

**Jilid II  
Bil. 33**



**Hari Isnin  
15hb Oktober, 1984**

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 4813]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 4856]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) [Ruangan 4856]**

**Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) [Ruangan 4867]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG KEDUA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat. Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI DATO SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).

Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B.  
(Nilam Puri).

„ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).

„ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.  
(Pulai).

„ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.  
(Matang).

„ DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN,  
D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).

„ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

„ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).

„ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).

„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).

„ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).

„ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P.,  
S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

„ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).

„ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.,  
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).

„ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan  
Chepa).

„ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.  
(Kuala Krai).

„ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

„ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,  
A.D.K. (Kimanis).

„ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).

„ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).

„ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

„ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Padang Rengas).

„ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

„ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).

„ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

Yang Berhormat **TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).**

„ **TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).**

„ **TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).**

„ **DR TAN SENG GIAW (Kepong).**

„ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**

„ **TUAN TING LING KIEW (Bintulu).**

„ **WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).**

„ **WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).**

„ **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).**

„ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**

„ **TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).**

„ **TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).**

„ **DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).**

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Isnin, 15hb Oktober, 1984
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

PINJAMAN HUTANG  
NEGARA

1. **Tuan Ban Hon Keong** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan bahawa hutang negara kita melalui pinjaman dari dalam dan luar negeri yang berjumlah sekurang-kurangnya \$60 billion, berapakah peratus pinjaman itu yang benar-benar dipergunakan untuk faedah-faedah yang berhasil dan bolehkah Y.B. Menteri memberi satu senarai berkenaan dengan projek-projek yang berhasil itu.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa berwaspada dalam menguruskan pinjamannya sama ada dari dalam ataupun luar negeri. Pinjaman-pinjaman ini dibuat berdasarkan kepada keperluan kewangan Belanjawan Pembangunan bagi membiayai projek-projek yang produktif dan berhasil seperti yang terkandung di dalam senarai Belanjawan Tahunan Kerajaan yang diluluskan oleh Parlimen. Maka itu, Tuan Yang di-Pertua, saya kira

tidaklah perlu bagi saya menyenaraikan projek-projek berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, pinjaman Kerajaan Persekutuan dari dalam dan luar negeri pada 30hb Jun, 1984 ialah sebanyak \$54,476.25 juta iaitu \$19,009.18 juta pinjaman dari luar negeri dan bakinya sebanyak \$35,467.07 juta dari sumber-sumber dalam negeri.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tahu mengenai bayaran balik hutang ataupun pinjaman yang dibuat sama ada dari dalam ataupun luar negeri iaitu daripada tiap-tiap \$1 hasil yang kita kutip, berapakah daripada jumlah hasil kita yang \$1 ini kita gunakan untuk membayar balik pinjaman?

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, agak sukar bagi saya memberi secara tepat berapa sen dari \$1 pendapatan negara digunakan untuk membayar hutang. Walau bagaimanapun, bolehlah saya nyatakan bahawa dari segi nisbah bayaran negara kita adalah dalam lingkungan 5.5% yakni satu angka yang boleh kita katakan rendah dibandingkan dengan negara-negara lain, terutama sekali negara-negara yang sedang membangun di mana setengah-setengah negara tersebut nisbahnya adalah dalam lingkungan 13% atau 14% berbanding dengan kita hanya sebanyak, seperti saya katakan tadi 5.5%, satu peringkat yang agak rendah.

**Tuan Chan Kok Kit:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah negeri-negeri asing memerlukan Kerajaan kita menurunkan nilai ringgit sebelum mereka sudi meminjam wang itu di negara kita baru-baru ini?

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, soal menurunkan ataupun menilai semula mata wang ringgit tidak ada kaitan dengan pinjaman luar negeri. Walau bagaimanapun, ingin saya memberi pendirian Kerajaan bahawa soal ini adalah soal negara kita sendiri, selain daripada tidak ada kaitannya dengan soal pinjaman; mata wang kita ini masih kuat walaupun baru-baru ini terdapat khabar-khabar angin kononnya kita hendak menurunkan nilai wang ringgit kita. Ini adalah satu perkara, pada pandangan Kementerian Kewangan, satu niat tidak baik, mungkin dari pihak-pihak tertentu yang mana mungkin berbuat demikian untuk kepentingan mereka itu sahaja.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari pinjaman dalam negeri sebanyak lebih daripada \$35 ribu juta tadi, dari institusi manakah pinjaman dalam negeri yang paling banyak sekali negara kita meminjam?

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, semua pinjaman-pinjaman, maksud saya sumber-sumber pinjaman ini adalah terdiri daripada beberapa sumber termasuklah di antara lain, bil-bil Perbendaharaan. Bil-bil Perbendaharaan ini berjumlah kira-kira \$2,797 juta, selain dari itu, sijil-sijil pelaburan dalam lingkungan \$100 juta. Kita juga membuat pinjaman dari bank perdagangan untuk Kumpulanwang Pinjaman Perumahan. Ini sebanyak \$1,000.96 juta dan juga sekuriti Kerajaan. Sekuriti Kerajaan merupakan jumlah yang terbesar iaitu \$31,569.4 juta.

Selain daripada pinjaman-pinjaman ini ada satu lagi pinjaman yang kita buat dari negeri Sabah. Pinjaman ini adalah dibuat dengan tujuan dipinjamkan semula kepada Kerajaan Negeri Terengganu yakni sebanyak \$6.63 juta.

## SEKRETARIAT ISLAM— SUMBANGAN MALAYSIA

**2. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sumbangan Malaysia kepada perkembangan sekretariat Islam, dan apakah bidang yang diterokai oleh sekretariat itu yang dapat dinikmati oleh negara-negara anggotanya setakat ini.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, pada fahaman saya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam soalnya ialah mengenai Sekretariat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Jeddah, Arab Saudi. Sebagaimana yang pernah dijelaskan beberapa kali di Dewan yang mulia ini OIC dan Sekretariatnya juga adalah suatu badan yang begitu dekat dengan jiwa dan perasaan negara kita kerana Malaysia dan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-hajlah yang telah mengilhamkan Sekretariat tersebut dan Sekretariat itu sendiri dimulakan oleh Yang Teramat Mulia Tunku selaku Setiausaha Agung yang pertama dan beberapa orang pegawai Malaysia yang dihantar khas dari Kuala Lumpur untuk maksud itu.

Sejak itu Malaysia dengan penuh bersemangat dan secara usaha yang berterusan telah pun memberi segala sumbangan yang terdaya oleh kita untuk mengkokoh dan memperkembangkan badan tersebut.

Apa yang kita perjuangkan di dalam OIC sehingga kini dan dimasa-masa yang akan datang adalah supaya umat

Islam dapat membangun dan berkembang dengan pesatnya bagi keteguhan, keutuhan persepadaan dan kekuatan dunia Islam.

Dalam pencapaian tujuan ini suatu usaha yang paling ditekankan adalah soal menyemaikan unsur-unsur perpaduan di kalangan negara-negara ahli.

Penting sekali di dalam rangka ini ialah masalah di Asia Barat umumnya dan soal Palestin khususnya yang merupakan unsur-unsur perpecahan di kalangan umat Islam. Saya percaya Dewan yang mulia ini sudah begitu maklum dengan peranan-peranan yang telah pun dimainkan oleh Malaysia terhadap pemcari penyelesaian kepada masalah-maslah ini. Di samping itu kita telah juga memainkan peranan utama di dalam mendapatkan kemasukan semula Mesir ke pangkuan OIC yang merupakan satu lagi usaha mempereratkan kembali perpaduan di kalangan umat Islam.

Di dalam bidang ekonomi pula, saya percaya kita semua maklum mengenai Bank Pembangunan Islam dan juga Tabung Perpaduan Islam. Badan-badan ini memainkan peranan utama di dalam pembangunan negara-negara Islam yang kurang maju di samping memberi bantuan kepada negara miskin dan juga masyarakat Islam yang merupa minoriti di negara-negara masing-masing, di dalam bidang-bidang ekonomi, pelajaran, keagamaan dan sebagainya.

Kedua-dua institusi ini sekarang ini begitu berkesan dan terkenal sekali di seluruh dunia Islam.

Sukacita saya nyatakan di sini penubuhan kedua-dua institusi ini adalah hasil cadangan Malaysia yang dibuat oleh Allahyarham Tun Abdul Razak di sidang Menteri-menteri Luar Islam Kelima yang diadakan di Kuala Lumpur dalam tahun 1974.

Di dalam konteks ini juga OIC telah menubuhkan suatu Jawatankuasa mengenai Perpaduan dengan Negara-negara Sahel untuk membantu negara-negara berkenaan menghadapi masalah kekurangan makanan akibat dari kemarau panjang.

Sukacita dimaklumkan bahawa Malaysia telah diberi penghargaan menjadi anggota Jawatankuasa ini. Usaha-usaha kita di dalam bidang ini begitu terkenal khususnya dari segi bantuan kita kepada negara Mali. Saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini mengenai penubuhan Universiti Islam Antarabangsa yang juga telah direstui oleh OIC sendiri.

Sumbangan kita ini adalah bermakna sekali kerana Universiti Islam Antarabangsa ini memberi peluang kepada pelajar-pelajar dunia Islam sebagai bakal-bakal pemimpin di dunia Islam sama ada di dalam bidang swasta ataupun politik bertemu dan menjalinkan rasa kemesraaan di kalangan mereka. Di samping itu, kita juga sentiasa memainkan peranan di dalam mencadangkan dan merangka tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan bagi mencapai kemajuan dan kerjasama antara negara anggota OIC ini.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa salah satu usaha yang utama oleh OIC ini ialah untuk menyatupadukan negara-negara Islam di seluruh dunia sehingga setakat ini berapa buakkah negara-negara Islam yang telah menjadi anggotanya dan adakah masih terdapat lagi negara-negara Islam yang belum menyertai dan kalau tidak mengapa dan bagaimana cara untuk mempengaruhi mereka supaya berada di dalam suatu barisan yang kokoh di dalam OIC.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, semua negara Islam yang ditaksirkan sebagai negara Islam pada umumnya telah pun menjadi anggota OIC.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri Luar Negeri tadi ada menyebutkan perkara penting adalah untuk perpaduan umat Islam.

Saya ingin tahu apakah peranan Sekretariat itu berhubung dengan memberhentikan peperangan antara Iraq dengan Iran.

Kedua, adakah benar begitu susah sekali Bank Islam kita untuk mendapatkan sumber kewangan daripada negara-negara Timor Tengah ataupun negara-negara Islam yang mana saya difahamkan bahawa modal yang dibayar kepada Bank Islam ini hanya setakat \$100 juta sahaja.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, pihak OIC telah pun menubuhkan suatu jawatankuasa untuk mendamaikan Iran dengan Iraq dan sukacita saya menyatakan bahawa Malaysia, negara kita juga telah diberi penghormatan sebagai ahli Jawatankuasa ini. Jawatankuasa ini telah pun bersidang berkali-kali telah pun mengambil berbagai-bagai tindakan untuk menyelesaikan peperangan ini. Malangnya untuk menyelesaikan peperangan ini perlu tolak ansur dan juga kerjasama dari negara-negara sengketa dan sehingga kini usaha ini tidaklah tercapai lagi.

Mengenai Bank Islam, ingin saya menyatakan bahawa penubuhan Bank Islam itu agak terlalu awal lagi dan saya rasa kita perlulah mengambil masa yang lebih lama lagi sebelum kita dapat membuat kesimpulan bahawa ianya tidak mendapat kerjasama dari negara-negara Islam yang lain.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri. Kita tahu anggota-anggota OIC ini boleh dikatakan sebahagian besar daripadanya adalah menjadi punca kewangan dunia dengan hasil minyak mereka yang banyak setiap tahun. Tetapi terdapat negara-negara Islam yang menderita miskin dengan segala macam hal di Afrika. Apakah sumbangan yang telah diberikan oleh OIC ini bagi membantu pembangunan negara-negara di Afrika yang sentiasa ditimpa malapetaka alam.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kita sedar bahawa di kalangan negara-negara Islam terdapat negara-negara yang terlalu kaya dan ada pula negara-negara yang terlalu miskin maka itulah sebabnya yang telah mengilhamkan Malaysia sendiri mencadangkan penubuhan Bank Pembangunan Islam dan Tabung Perpaduan Islam pada tahun 1974.

Sebagai satu usaha konkrit untuk mengatasi masalah kebuluran dan kemiskinan di Afrika maka itulah sebabnya yang telah saya nyatakan dalam jawapan saya tadi kita telah pun menubuhkan satu jawatankuasa mengenai perpaduan negara-negara sahel di Afrika (Solidarity of the Sahelian States on Africa) dan Malaysia memainkan peranan penting dalam Jawatankuasa ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad.

*(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad tidak hadir).*

#### OPEC—PENYERTAAN MALAYSIA

**4. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan OPEC ialah satu

pertubuhan yang memainkan peranan penting dalam penentuan harga minyak dunia, adakah Malaysia bercadang untuk turut sama menjadi anggota OPEC.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara pengeluar minyak kecil jika dibandingkan dengan kebanyakan negara-negara yang menjadi ahli OPEC maka cadangan untuk menjadi anggota OPEC perlulah dikaji dengan teliti. Kajian-kajian ini hendaklah mengambil kira tentang kemungkinan Malaysia tidak seterusnya menjadi negara pengeksport selepas akhir tahun 1990an.

Buat masa ini Malaysia belum membuat keputusan untuk menjadi anggota OPEC. Walau bagaimanapun, Malaysia adalah dijemput untuk menyertai persidangan-persidangan OPEC sebagai pemerhati.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ada menyebutkan bahawa Malaysia ini ada kemungkinan selepas tahun 1990an tidak akan menjadi negara pengeksport minyak.

Saya ingin tahu dari jangka panjangnya apakah hasil minyak negara kita ini sudah hampir kehabisan dan usaha-usaha mencarinya nampaknya barangkali tidak mempunyai harapan atau potensi yang tidak baik menjadi negara pengeksport minyak pada masa hadapan.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, jika diasaskan atas kadar pengeluaran sekarang sebanyak 450,000 tong sehari dan jika dianggap yang tiada padang minyak baru yang akan dijumpai maka simpanan minyak Malaysia boleh mencukupi untuk jangka masa sepanjang 18 tahun daripada sekarang hingga ke tahun 2,002.

Sungguhpun begitu usaha-usaha mencarigali (exploration) adalah sentiasa diadakan untuk menambah rizab minyak yang ada. Jadi dalam hal ini sekiranya terdapat pertemuan baru sudah tentulah di mana konsumsi ataupun keperluan dalam negeri masih rendah daripada pengeluaran kita, yang baki kita boleh mengeksport maka selama itulah kita menjadi pengeksport.

### PEKERJA MALAYSIA DI SINGAPURA

**5. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) bilangan pekerja Malaysia yang kembali daripada Singapura baru-baru ini;
- (b) anggaran bilangan pekerja sejenisnya yang akan kembali ke Malaysia dalam tempoh 5 tahun ini; dan
- (c) apakah rancangan Kerajaan yang konkrit untuk menempatkan semua pekerja-pekerja yang berkenaan.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a) dan (b) sebenarnya pemergian pekerja Malaysia ke Singapura adalah secara berulang-alik, biasanya mereka bekerja di Singapura selama beberapa bulan kemudian kembali ke Malaysia selama beberapa hari atau beberapa minggu seterusnya pergi ke Singapura untuk bekerja semula dan kembali semula ke Malaysia begitulah keadaannya. Oleh yang demikian kita tidak dapat angka yang tepat berapa sebenarnya jumlah pekerja Malaysia yang telah kembali daripada Singapura baru-baru ini. Begitu juga mereka yang akan kembali ke Malaysia dalam tempoh lima tahun.

Walaupun bagaimanapun pada masa ini dianggarkan seramai lebihkurang 60,000 orang pekerja Malaysia bekerja

di Singapura dalam berbagai jenis pekerjaan dan dari jumlah itu seramai 265 orang telah kembali dan mendaftarkan diri di Jabatan Tenaga Rakyat untuk mendapat pekerjaan baru.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (c) di antara langkah yang sedang diambil ialah dengan menempatkan mereka ke dalam pekerjaan yang setaraf dengan kelulusan dan pengalaman mereka. Ini dapat dilakukan sekiranya mereka mendaftar diri di pejabat-pejabat pekerjaan Jabatan Tenaga Rakyat dan dengan kemahiran yang mereka miliki tidak begitu sukar untuk Jabatan Tenaga Rakyat menempatkan mereka ke dalam pekerjaan baru. Diharap majikan-majikan agar dapat memberi kerjasama dengan menawarkan pekerjaan kepada mereka dengan kadar gaji dan lain-lain kemudahan yang setaraf dengan pengalaman dan kemahiran yang mereka miliki hasil dari pengalaman mereka bekerja di Singapura itu.

**Tuan Daud bin Dato Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pekerja-pekerja Malaysia begitu banyak bekerja di Singapura dan terlibat dengan dasar baru Kerajaan Singapura untuk tidak mahu mengambil pekerja dari Malaysia tetapi mengubah haluan mereka kepada negara-negara seperti Filipina dan sebagainya, adakah Kerajaan kita berhubung dengan Kerajaan Singapura supaya Kerajaan Singapura menimbang kembali hasrat mereka untuk tidak mengambil pekerja Malaysia dan adakah Kerajaan kita mengetahui apakah dasar atau filosofi Kerajaan Singapura tidak hendak mengambil pekerja-pekerja Malaysia, adakah disebabkan oleh perkauman?

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita memang sentiasa menghubungi Kerajaan Singapura bagi mengetahui kedudukan yang

sebenarnya tetapi apa yang diberitahu kepada Kementerian saya baru-baru ini ialah bahawa sebenarnya laporan yang mengatakan Kerajaan Singapura menyekat kemasukan pekerja-pekerja dari Malaysia untuk bekerja di negara tersebut adalah satu laporan yang tidak tepat dan mereka sehingga pada masa ini pun boleh masuk dan bekerja di Singapura seperti biasa.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan tambahan, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sementara kita menghadapi masalah mendapatkan pekerja di dalam industri pembinaan dan juga ladang-ladang tetapi kita mendapati bahawa kita mempunyai pekerja yang lebih suka pergi bekerja dalam industri pembinaan misalnya di Singapura.

Jadi saya hairan mengapakah perkara ini berlaku, adakah ini disebabkan oleh suasana kerja ataupun kadar upah dalam negara kita ini tidak begitu menarik dan kalau ini masalahnya tidakkah kita boleh fikirkan cara-cara supaya industri kita boleh menaikkan kadar upah?

Yang keduanya saya juga hendak bertanya iaitu adakah kita berhasrat hendak mengadakan banci secara sistematik terhadap keadaan dan juga pekerja-pekerja kita yang duduk di Singapura misalnya supaya kita mendapat gambaran yang sepenuhnya dan lengkap dan dengan cara yang macam itu dapatlah kita menghadapi sebarang kemungkinan masalah pekerja-pekerja kita di Singapura itu pada satu masa, tidak lagi dikehendaki oleh Kerajaan Singapura dan mereka terpaksa balik ke negara sendiri?

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu kerana selain daripada mengemukakan pertanyaan, pertanyaannya juga berbentuk

pandangan yang mana boleh diberi perhatian oleh Kementerian saya. Berhubung dengan bahagian pertama soalan Yang Berhormat, di antara sebab-sebab pekerja-pekerja kita dari Malaysia gemar mencari pekerjaan di Singapura adalah juga seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu, pertamanya kadar bayaran atau upah yang mereka terima di Singapura adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan upah atau bayaran yang mereka terima jika mereka bekerja dalam pekerjaan yang sama di Malaysia ini. Dan yang keduanya juga ialah berhubung dengan suasana pekerjaan, suasana sekitar barangkali lebih menarik keadaannya di Singapura dengan tempatan-tempatan pekerjaan di dalam negara sendiri yang berselerak kebanyakannya di kawasan-kawasan luar bandar terutama sekali di sektor pertanian dan perladangan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara yang kedua bahagian yang kedua pertanyaan Yang Berhormat itu, Kementerian saya sedang pada masa ini mengkaji dan memikir satu cara mengadakan pendaftaran atau satu banci yang lebih sistematik bagi menentukan bilangan sebenarnya dan jenis-jenis pekerjaan di mana pekerja-pekerja Malaysia kita bekerja dan taraf atau tahap kemahiran mereka itu semasa mereka bekerja di sini supaya tenaga dan pengalaman mereka itu dapat dipergunakan dengan sebaik-baiknya manakala mereka kembali ke negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita juga saya menyatakan bahawa pemergian pekerja-pekerja Malaysia ke Singapura untuk bekerja terutama sekali dalam bidang binaan tidaklah boleh semata-mata kita memandangkan sebagai suatu kerugian kepada negara-negara disebalik pemergian mereka itu walaupun kita menghadapi kekurangan tenaga kerja di dalam

negara kita sendiri tetapi pemergian mereka itu memperolehi pengalaman-pengalaman dengan bekerja di sektor binaan di Singapura boleh juga dianggap sebagai suatu keuntungan sebagai asset kepada negara sekiranya pengalaman mereka dapat dengan sebaik-baiknya sekembalinya mereka kelak ke negara sendiri.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Timbalan Menteri tadi mengatakan tidak ada rekod, tidak didaftarkan, setahu saya buruh-buruh terutama sekali kebanyakannya orang Melayu yang pergi bekerja ke Singapura ini sudah begitu lama. Apakah yang menjadi masalah Kementerian Buruh tidak mendaftarkan buruh-buruh kita yang bekerja di Singapura?

Yang kedua, apakah perlindungan sama ada dari Kementerian Buruh atau Kerajaan kita bagi menjamin buruh-buruh warganegara kita yang bekerja di Singapura kerana saya mendapat tahu ada juga buruh-buruh yang bekerja di bangunan-bangunan itu meninggal dunia dan sebagainya yang menjalankan kerja? Adakah dari segi insurans macam kita di sini ada SOCSO dan sebagainya?

**Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja Malaysia yang pergi bekerja ke Singapura secara halal, mereka terpaksa melaporkan diri ke Pejabat Imigresen di tempat mana mereka keluar. Pada hakikatnya pemergian tiap-tiap pekerja kita ke Singapura itu direkodkan tetapi apa yang saya maksudkan tadi banci yang lengkap yang sebenarnya tidak dapat diadakan pada masa ini oleh sebab pekerja-pekerja itu berulangik sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Banci ini boleh dilakukan. Saya tidak mengatakan ini tidak boleh dilakukan, tetapi memerlukan usaha yang lebih teliti, kerana di antara pekerja-pekerja itu sebagaimana yang

saya terangkan tadi, mereka pergi ke sana barangkali dua-tiga bulan dan balik, dua-tiga hari pergi semula, ada yang balik dua-tiga minggu pergi semula berulang-alik dan kadangkadangkang bilangan itu orang yang sama keluar masuknya. Inilah yang memerlukan satu cara banci yang lebih sistematik bagi kita mendapatkan angka yang lebih tepat dan sebenarnya.

Berhubung dengan perlindungan, sebagaimana yang kita ketahui bahawa pekerja-pekerja kita yang bekerja di Singapura adalah dilindungi oleh undang-undang yang berkuatkuasa di negara tersebut. Dan cara campurtangan Kerajaan kita melindungi pekerja-pekerja kita yang berada di Singapura itu atau di mana-mana sahaja negara asing adalah mengikut amalan antarabangsa seperti yang biasa diamalkan.

### **RANCANGAN BELIANIAGA SARAWAK—SAMBUTAN**

**6. Tuan Andrew Janggi Muyang** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah jumlah penglibatan belia-belie Sarawak di dalam Skim "Belianiaga" yang dianjurkan oleh Kementerian. Adakah Kementerian mengetahui jumlah yang berjaya dan jumlah yang gagal;
- (b) kepada yang gagal apakah sebab-sebabnya; dan
- (c) apakah rancangan galakan ekonomi yang telah, sedang dan akan disusun oleh Kementerian untuk belia-belie di Sarawak yang jauh ketinggalan bagi menambahkan lagi belia-belie kita di bidang ekonomi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Awang bin Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan Julai, 1984 ini

ada terdapat 55 orang belia yang melibatkan diri di dalam Rancangan Belianiaga (RBB) di Sarawak dan daripada 55 orang itu terdapat 15 orang yang gagal.

Di antara sebab-sebab kegagalan ialah terutama kurang pengalaman kerana kumpulan sasaran untuk rancangan RBB ini ialah terdiri daripada belia-belie yang tercacir dan kebanyakan daripada mereka ialah berkelulusan rendah dan tambahan pula mempunyai latar belakangnya bukan dari keluarga berniaga.

Sebab yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah kerana persaingan kerana peserta-peserta RBB itu juga terpaksa menghadapi persaingan dengan peniaga-peniaga yang lain yang telah lama wujud dan lebih berpengalaman.

Ketiga, sikap. Kerana ada di antara peserta-peserta RBB ini bersikap negatif dan tiada sesuai dengan hidup berniaga. Banyak tindakan yang diambil semasa berniaga adalah tindakan yang berupa negatif yang tidak patut dibuat sebagai seorang peniaga. Sebaliknya pula terdapat juga belia-belie yang bersikap "over-ambitious" yang tidak sabar untuk memperkembangkan perniagaan mengikut kemampuannya.

Selain daripada itu menjadi sebab ataupun punca kepada kegagalan mereka itu ialah tempat projek itu diadakan kerana ada tempat-tempat projek rancangan RBB ini adalah jauh dan bertaburan di seluruh negara dan dengan sebab itu lawatan untuk susulan dan khidmat nasihat adalah sukar dibuat.

Bagi mengatasi kegagalan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengambil beberapa langkah dan antara lain ialah:

- (i) mengadakan kursus mendorong melahir dan membina usahawan-usahawan;

- (ii) kursus melahir dan membina usahawan I;
- (iii) kursus melahir dan membina usahawan II;
- (iv) kursus simpan kira-kira;
- (v) kursus jualan makanan; dan
- (vi) membuat susulan dan khidmat nasihat secara lebih teratur dan berkesan.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai rancangan belianiaga (RBB) di negeri Sarawak mahupun di seluruh Semenanjung. Kira-kira 5-6 tahun yang lalu RBB ini begitu popular di kalangan persatuan-persatuan belia dan juga di kalangan ahli-ahli persatuan belia yang ingin menjalankan perniagaan mereka. Tetapi nampak gayanya pada akhir-akhir ini rancangan belia niaga itu sudah tidak kedengaran lagi di dalam persatuan-persatuan belia terutamanya persatuan-persatuan belia yang terletak di luar bandar. Soalannya apakah sebabnya perkara ini boleh berlaku? Adakah ianya disebabkan oleh Kementerian ini tidak mempunyai cukup wang untuk diberikan, diagihkan kepada para belia yang ingin menjalankan perniagaan mereka ataupun kerana format kertas kerja RBB ini terlalu susah untuk dibuat oleh belia-belia?

Soalan kedua, setakat ini berapakah jumlah wang yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memberikan pinjaman kepada belia-belia di dalam rancangan RBB ini?

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, sejak bulan Jun yang lalu Kementerian telah menawakufkan pengeluaran pinjaman untuk rancangan RBB di samping

Kementerian mengarahkan supaya projek-projek yang sedia ada diteruskan.

Tujuan penanguhan itu ialah untuk menyemak balik cara-cara pembayaran balik yang dibuat oleh belia-belia itu mengenai pinjaman masing-masing. Jadi ini merupakan satu sebab ketidakrancaknya kelihatan projek RBB sama ada di dalam bandar ataupun di luar bandar.

Semenjak dari tahun 1976 sehingga 1983, Kementerian telah pun mengeluarkan peruntukan berjumlah \$18,132,519.11 untuk projek RBB di seluruh negara.

#### **RAKYAT TIDAK MEMPUNYAI SURAT BERANAK**

**7. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa ramai rakyat-rakyat Malaysia yang dilahirkan dalam lingkungan tahun tiga puluhan-empat puluhan ketiadaan surat beranak, maka umur mereka yang tercatat mengikut budibicara kakitangan pejabat pendaftaran adalah tidak tepat dan ada kes yang umur si adik di dalam KP telah tua dari umur abangnya, dan jika ia seorang bekerja makan gaji Kerajaan tentulah si adik lebih dahulu pencen dari si abang. Maka apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memperbetulkan keadaan ini.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sedar bahawa adanya rakyat Malaysia yang dilahirkan dalam tahun-tahun 30an dan 40an yang tidak mempunyai surat beranak. Pada keseluruhannya tarikh lahir mereka dicatitkan dalam Kad Pengenalan adalah tepat dan betul. Dalam pada itu terdapat sebilangan kecil daripada mereka ini yang tidak mempunyai tarikh lahir yang betul dan tepat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap seorang untuk melaporkan sesuatu kelahiran seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 8 Undang-undang Kelahiran dan Kematian, 1957. Sekiranya kelahiran mereka benar-benar tidak dilaporkan, mereka boleh membuat permohonan daftar lewat kelahiran di bawah seksyen 12 (1) undang-undang yang sama. Sekiranya didapati bahawa umur seseorang itu tidak betul di dalam Kad Pengenalannya maka ia boleh membuat pembetulan mengikut tarikh lahir yang sebenarnya.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan bagi mereka yang langsung tidak ada bukti atas kelahiran mereka dan langsung tidak ada kad pengenalan juga bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan cara-cara bagi mereka untuk memohon surat kebenaran atau kad-kad pengenalan dan adakah pihak Kerajaan mengiktirafkan kedudukan mereka sebagai rakyat Malaysia?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya terangkan tadi, jika terdapat mereka yang benar-benar tidak ataupun terlupa melaporkan kelahiran anak-anak mereka, mereka boleh berbuat permohonan untuk melapor ataupun mendaftar lewat kelahiran di bawah Seksyen 12 (1) dan mereka perlulah memberi kenyataan-kenyataan yang diperlukan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong:** Soalan tambahan. Di Sabah, pada masa ini terdapat dua masalah berkenaan dengan pemberian kad pengenalan semenjak tahun 1963. Ada di antara bumiputera yang bermastautin di luar bandar seperti di

Labuk Sugut yang telah diberikan kad pengenalan merah walaupun mereka ini sebenarnya bumiputera asli.

Yang kedua, ada di antara mereka menerima i.c. kad biru tetapi dengan nama 'no name'. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memperbaiki masalah ini?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak bersangkutan-paut dengan masalah mereka yang tidak mempunyai surat beranak. Walau bagaimanapun, saya merayu kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan untuk berhubung dengan saya untuk mengatasi masalah yang dilaporkan.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin merujuk soalan asal saya iaitu di antara mereka yang bekerja dalam jawatan Kerajaan, di antara adik dengan abang didapati adik pencen lebih dahulu daripada abang. Dengan itu bererti jelaslah itu bahawa umurnya tidak kena, tidak betul. Oleh yang demikian pertanyaan saya, adik yang telah pencen dahulu, abang masih bekerja, adakah adik boleh memohon semula bekerja balik dan sekiranya boleh apa jalan-jalannya untuk memohon dan jika berkecualan cara ini iaitu adik pencen lebih dahulu, abang masih bekerja tentulah keadilannya tidak adil maka apakah langkah-langkah Kerajaan supaya tidak menjadi soal jawab di hari akhirat akan datang dalam tentang keadilan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya bersetuju bahawa tidak adil jika seorang adik itu berpencen lebih awal daripada abangnya. Tetapi masalah yang selalu timbul sedemikian rupa kerana masalah itu dibuat sendiri oleh mungkin adik ataupun abangnya. Jadi, jika perkara itu hendak dibetulkan bolehlah berhubung dengan Jabatan

Pendaftaran Negara supaya dapat dibetulkan supaya abang itu berpencon awal daripada adik (*Ketawa*).

### BIRO PENCEGAH RASUAH— TENAGA PEKERJA

**8. Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah tenaga pekerja Biro Pencegah Rasuah pada masa ini; jumlah bilangan aduan yang diterima oleh Biro untuk tahun-tahun 1982, 1983 dan sehingga Ogos, 1984. Berapa banyak kes yang telah disiasat, berapa banyak yang dibawa ke Mahkamah untuk tempoh yang serupa dan adakah benar Kerajaan lembab dalam tugasnya membasmi rasuah.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan pegawai dan kakitangan Badan Pencegah Rasuah (BPR) sehingga 30hb September, 1984 adalah sebanyak 796 orang yang mana bilangan Pegawai Perkhidmatan BPR ialah seramai 481 orang dan bakinya sebanyak 315 orang merupakan Pegawai Perkhidmatan Gunasama.

Semenjak tahun 1982 hingga bulan Ogos, 1984 sebanyak 24,635 maklumat telah diterima oleh Badan Pencegah Rasuah dan pecahannya adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bil. Maklumat</i>
1982.. .. .	10,983
1983.. .. .	8,434
Sehingga Ogos, 1984.. .. .	5,218

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, tidak semua maklumat yang diterima itu menunjukkan perbuatan-perbuatan rasuah telah berlaku. Daripada maklumat-maklumat yang diterima itu, hanya 4,426 maklumat telah dijadikan kes penyiasatan dalam tahun 1982, 3,063 maklumat dijadikan kes penyiasatan dalam tahun 1983 dan sebanyak 2,073

maklumat telah dijadikan kes penyiasatan sehingga bulan Ogos, 1984. Hasil daripada penyiasatan tersebut, bilangan orang telah ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah kerana telah melakukan berbagai kesalahan rasuah di dalam tempoh tersebut adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bil. ditangkap</i>
1982.. .. .	229 orang
1983.. .. .	379 orang
Sehingga Ogos, 1984.. .. .	257 orang

Adalah tidak benar bahawa Kerajaan lembab dalam tugasnya untuk membasmi rasuah. Kerajaan adalah benar-benar berazam hendak mengawal, mencegah dan seterusnya membasmi segala bentuk perbuatan rasuah daripada berlaku di dalam negara kita. Dalam konteks ini, motto 'Bersih, Cekap dan Amanah' yang diamalkan oleh Kerajaan sekarang merupakan suatu pendekatan ke arah mewujudkan suatu perkhidmatan dan jentera Kerajaan yang bersih daripada apa bentuk perbuatan rasuah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa perasaan tidak puashati di kalangan orang ramai semakin lebih oleh kerana motto Yang Berhormat Menteri tadi ada sebut satu Kerajaan yang 'Bersih, Cekap dan Amanah' dalam tiga tahun ini tidak diikuti dengan hasil-hasil dan masalah rasuah bermaharajalela dan lebih terbuka, dengan izin, lebih rampant sehingga rakyat sudah hilang kepercayaan bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah mempunyai keazaman untuk menghapuskan rasuah.

Adakah dengan pendapat orang ramai sekarang ini Kerajaan berhasrat untuk mengadakan satu pendekatan yang lebih positif bukan sahaja di peringkat motto berlisans tetapi dengan cara-cara positif dengan BPR ada

kuasa yang cukup dengan undang-undang diubah dengan kuasa yang lebih banyak supaya masalah rasuah tidak lebih rampant apabila dibandingkan dengan tiga tahun yang dahulu.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka merupakan pendapat daripada DAP sahaja. Yang kita ketahui melalui langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menegakkan motto 'Bersih, Cekap dan Amanah' ini, ianya diterima baik oleh masyarakat kerana tindakan-tindakan ke arah untuk membersihkan perkhidmatan dan melicinkan jentera Kerajaan sentiasa diambil. Adalah tidak benar juga jika dikatakan bahawa rasuah sedang berlaku dengan begitu, dengan izin, rampant, oleh kerana selain daripada tindakan melalui BPR kita juga mempunyai peraturan-peraturan di peringkat Jabatan-jabatan yang dikelolakan oleh Ketua-ketua Pejabat untuk melihat bahawa perkara-perkara yang menyeleweng, perkara-perkara yang kurang baik diadak daripada berlaku.

Jadi, sekali lagi saya hendak katakan dalam ulasan saya, pendapat dalam soalan Yang Berhormat tadi merupakan satu view point daripada DAP sahaja dan bukan melambangkan pandangan masyarakat keseluruhannya dari segi Kerajaan sekarang melaksanakan tugas-tugasnya.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri selain daripada tugas pegawai-pegawai yang bekerja di BPR untuk menyasat segala kelakuan pegawai-pegawai Kerajaan, adakah dalam peruntukan di bawah BPR bagi mereka menyasat kelakuan yang tidak baik di pihak swasta seperti yang diadakan di negara maju iaitu Fraud Squad untuk menyasat segala kelakuan yang tidak

baik di antara institusi kewangan di pihak swasta dan di antara satu syarikat dengan yang lain, pegawai-pegawai, director-director melakukan perkara yang tidak boleh diumumkan.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, yang pasti ialah di mana kaedah-kaedah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat melibatkan jentera Kerajaan sudah tentu dia melibatkan juga bidangkuasa BPR, dan di mana dia melibatkan bidang tugas Kerajaan dengan hubungan antara swasta, peraturan-peraturan lain yang ada kaitan dengannya menunjukkan bahawa tindakan juga boleh diambil.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang yang berkenaan supaya BPR itu dapat dibertanggungjawab secara langsung kepada Dewan yang mulia ini agar mereka boleh menjalankan tugasnya dengan kebebasan dan supaya BPR itu dapat diberi kuasa yang lebih luas dan bebas. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bercadang untuk melantik Ketua Pembangkang Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka supaya dia dapat mengetuai BPR itu (*Ketawa*).

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sama ada BPR ini boleh diletakkan di bawah Dewan yang mulia ini. Jawabnya, BPR juga merupakan satu department dan dari segi kuasa yang sebeb-bebasnya untuk diberi kepada BPR sekarang ini kita memandangkan bahawa kuasa-kuasa yang ada sudah pun dibekalkan kepada BPR, dan adalah mencukupi.

Soalan kedua dan ketiga, sama ada Ketua Pembangkang akan jadi ketua atau Pengarah BPR ini, ini agak pelik juga soalnya oleh kerana kita sudah tahu DAP sendiri mempunyai bias

yang tertentu. Saya takut kalau Ketua Pembangkang dijadikan Ketua BPR ini dia akan tangkap semua ahli parti lawan selain daripada DAP semata-mata untuk digunakan dari segi kepentingan politik. Jadi, kita hendak mengelakkan supaya BPR ini dipengeruhi oleh elemen politik, dan dengan itu tidak dapatlah saya persetujuan bahawa Ketua Pembangkang khususnya daripada DAP menjadi Ketua Pengarah BPR ini (*Tepuk*).

### **BANK BUMIPUTRA MALAYSIA BERHAD—JUALAN SAHAM**

**9. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah Kerajaan bercadang hendak menjual saham untuk Bank Bumiputra Malaysia Berhad kepada orang ramai (Bumiputera) sekiranya tidak, mengapa.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan belumlah lagi bercadang untuk menjualkan saham-saham Bank Bumiputra Malaysia Berhad kepada orang ramai. Sekiranya dan apabila ianya perlu ataupun hendak dilakukan maka terlebih dahulu Kerajaan akan meneliti dan membuat kajian-kajian yang teliti terhadap prestasi bank ini selaras dengan asas dan panduan pemindahan hakmilik saham syarikat milikan Kerajaan kepada Bank Bumiputra yang telah ditetapkan oleh Kerajaan pada 3hb Februari, 1981.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita memang mengharap dan menjangkan bahawa saham Bank Bumiputera ini diserahkan kepada bumiputera tetapi tiba-tibanya sekarang pemilikan Bank Bumiputera berpindah tangan kepada PETRONAS. Saya hendak bertanya, adakah ini selaras dengan Dasar

Ekonomi Baru dengan matlamat yang telah ditetapkan. Saya juga hendak menyusul—hendak bertanya soalan tambahan berkenaan dengan perkara itu, iaitu bagaimanakah pengambilan alih, pembelian saham Bank Bumiputera oleh PETRONAS ini boleh membaiki dengan mengukuhkan keadaan Bank Bumiputera dan berikutan dengan itu adakah akan berlaku perubahan dasar ataupun sebarang penyusunan dalam bank itu terutamanya berkenaan dengan kedudukan Pengerusi Eksekutifnya.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hairan kalau soalan itu berat tetapi soalan ini keluar sedikit daripada tajuk asal. Walau bagaimanapun, seperti kita tahu bahawa PETRONAS sendiri sebenarnya adalah satu daripada syarikat-syarikat Kerajaan, maka itu kalau sekiranya Bank Bumiputera diambil oleh sebahagian besarnya oleh PETRONAS, ini tidak merupakan satu perkara yang menghairankan kita terutama sekali kita dapati bahawa PETRONAS adalah satu-satunya syarikat Kerajaan yang mempunyai "cash" yang banyak hasil daripada jualan minyaknya.

Soal sama ada pengambilan alih semula Bank Bumiputera ini oleh PETRONAS akan mengubah dasar ataupun polisi Bank itu tidak dapatlah saya tahu, ini termasuk kedudukan ketua ataupun Pengerusi Eksekutif bank tersebut. Kita harap Ahli Yang Berhormat berkenaan dapat bersabar, kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengatakan bahawa apabila dia balik dari lawatan keluar negeri, dia akan membuat kenyataan-kenyataan tertentu.

### **PEKERJA YANG DIBERHENTIKAN**

**10. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Buruh menyatakan sama ada Kementeriannya mempunyai sebarang

rancangan “kontingensi” untuk menghadapi pembuangan kerja (retrenchment) yang semakin bertambah oleh industri tempatan disebabkan kemelesetan ekonomi dunia yang semakin merosot khususnya apakah penyelesaian Kementerian terhadap kehilangan kerja yang besar dalam industri-industri tekstail yang mungkin membuatkan pembuangan kerja semakin menjadi kerana peningkatan duti import yang mungkin dikenakan oleh Kerajaan Amerika Syarikat.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jumlah bilangan pekerja-pekerja yang diberhentikan dengan sebab-sebab kemerosutan ekonomi memuncak pada tahun 1983 yang lalu tetapi nampaknya berkurangan pada tahun 1984 ini. Sekiranya keadaan ini menggambarkan ekonomi telah bertambah baik maka kedudukan para pekerja pada masa akan datang mungkin lebih terjamin. Jumlah pembuangan kerja yang berlaku dari tahun 1982 hingga pertengahan tahun 1984 ini adalah seperti berikut:

1982 .. .. .	4,767 orang
1983 .. .. .	8,217 ..
1984 (Januari-Jun) ..	2,596 ..

Angka tersebut adalah termasuk mereka yang dibuang kerja dari industri tektail yang jumlahnya seramai 1,136 orang dalam tahun 1982; 1,960 orang dalam tahun 1983; dan 506 orang dalam enam bulan pertama tahun 1984 ini.

Kementerian saya melalui Jabatan Tenaga Rakyat mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja tersebut mendaftarkan diri di Pejabat-pejabat Pekerjaan Jabatan Tenaga Rakyat supaya mereka dapat ditempatkan semula di tempat-tempat pekerjaan yang bersesuaian dengan pengalaman dan kelayakan mereka masing-masing.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa baharu-baharu ini banyak pihak majikan telah menggunakan alasan resesi ekonomi untuk membuang pekerja mereka, dan saya suka mendapat tahu sama ada Kementerian yang berkenaan bercadang untuk menubuhkan satu unit khas di dalam Kementerian yang berkenaan untuk mengkaji masalah ini untuk menerima aduan-aduan daripada para pekerja yang telah dibuang kerja supaya Kementerian dapat menentukan sama ada pembuangan ini adalah sah atau tidak dan sekiranya sah, apakah cara-cara atau langkah-langkah yang dapat diambil oleh Kementerian bagi tujuan untuk membantu pihak yang berkenaan.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, adalah didapati tidak perlu mengadakan Jawatankuasa Khas sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana pada masa ini jentera yang sedia ada di Kementerian Buruh sudah mencukupi untuk menerima aduan daripada pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja dan untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya.

Pekerja-pekerja yang menjadi ahli kepada mana-mana kesatuan sekerja sudah tentu boleh menuntut hak-hak mereka melalui kesatuan masing-masing sebagaimana yang dibenarkan oleh Akta Kesatuan Sekerja. Bagi pekerja-pekerja yang tidak berkesatuan, jika mereka merasai diri mereka diberhentikan kerja tanpa alasan, mereka juga boleh, dengan melalui Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan, melaporkan kes seumpama itu ke Pejabat Perhubungan Perusahaan di bawah Kementerian Buruh dan penyiasatan boleh

dijalankan, dan jika perlu kes seumpama itu boleh dirujuk ke Mahkamah Perusahaan untuk dibicarakan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar kita hendak mengatakan bahawa majikan boleh dengan sewenang-wenangnya memberhentikan pekerja masing-masing hanya dengan memberi alasan kemerosotan ekonomi kerana keadaan yang sebenar akan dapat dibuktikan melalui penyiasatan-penyiasatan yang dijalankan oleh Jabatan-jabatan berkenaan di bawah Kementerian Buruh.

#### FESYEN PAKAIAN KAKI-TANGAN PEJABAT

**11. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada Kementerian dan Jabatan Kerajaan yang telah merasa bimbang menghadapi masalah disiplin kakitangan pejabat masing-masing berikutan dengan perubahan arus dan sikap dalam fesyen pakaian yang berkaitan rapat dengan kepercayaan dan kebangkitan Islam di kalangan umat Islam sekarang seperti memakai telekung bagi kaum perempuan dan serban jubah bagi lelaki yang dianggap oleh Ketua Jabatan berkenaan boleh menjatuhkan imej dan disiplin Jabatan Kerajaan.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan khususnya Ketua-ketua Jabatan, tidak merasa bimbang berhubung dengan pakaian kakitangan di Jabatan-jabatan Kerajaan berkenaan oleh kerana terdapat peraturan berhubung dengan jenis-jenis pakaian yang boleh dipakai semasa bertugas.

Pada masa ini Kerajaan sedang menimbang untuk mengeluarkan satu arahan baru berhubung dengan soal pakaian yang boleh dipakai oleh pegawai-pegawai Kerajaan dengan

mengambil kira perubahan-perubahan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

#### PERKHIDMATAN POS— MUTU DAN KECEKAPAN

**12. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk meningkatkan mutu dan kecekapan Jabatan Pos dalam perkhidmatan Pos. Adakah Kerajaan telah merancang untuk mengadakan suatu sistem yang baik di luar bandar khususnya di negeri Sabah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong):** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Pos telah dan sentiasa mengambil tindakan untuk memperbaiki dan meninggikan mutu dan kecekapan Jabatan Pos dalam perkhidmatan pos.

Jabatan Pos selalu berusaha dan berikhtiar untuk menyerahkan semua mel pos biasa dalam bandar-bandar besar dalam tempoh 24 jam. Bagi tempat-tempat lain dalam negeri, Jabatan Pos berusaha sedaya upaya menyerahkan mel-mel dalam tempoh 48 jam. Di samping kenderaan-kenderaan Jabatan Pos sendiri yang terhad, Jabatan Pos bergantung kepada pengangkutan awam seperti syarikat-syarikat penerbangan, keretapi, bas dan lain-lain untuk pengangkutan mel. Jika terdapat kegagalan dalam sistem pengangkutan awam, maka ini akan menjejaskan pengangkutan mel kita. Bagaimanapun, Jabatan sentiasa berhubung rapat dengan pihak pengangkutan awam untuk menentukan mel-mel tidak mengalami kelewatan semasa dalam perjalanan.

Bagi meninggikan lagi mutu perkhidmatan pos, Jabatan Pos telah

memperkenalkan Perkhidmatan Ekspres Sepanjang Jalan di antara bandar-bandar besar termasuk Kuching dan Kota Kinabalu. Perkhidmatan Intel Post juga telah diperkenalkan bagi meninggikan lagi mutu perkhidmatan pos.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Yang Keempat, Jabatan Pos juga ada merancang menggantikan Pejabat Pos Besar di Kota Kinabalu. Jabatan Pos juga menggunakan van jabatan bagi pengangkutan mel-mel di antara beberapa laluan-laluan yang mana pengangkutan mel melalui pengangkutan awam tidak memuaskan. Tekanan utama adalah diberi untuk memperbaiki lagi perkhidmatan di kawasan-kawasan luar bandar.

Pada masa sekarang banyak posmen yang bertugas dengan Wakil Pos dibekalkan dengan motosikal bagi memperluaskan lagi kawasan-kawasan penyerahan dan juga untuk menambahkan lagi kekerapan penyerahan dari 2 atau 3 kali seminggu kepada penyerahan pada setiap hari. Penyerahan benda-benda pos dengan menggunakan motosikal bertambah lagi di tempat-tempat jauh seperti kampung-kampung di kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan perumahan yang berjauhan dari Pejabat Pos dan Perwakilan Pos. Pembinaan lebih banyak Pejabat Pos di kawasan luar bandar akan juga dilaksanakan mengikut keutamaan dan keadaan kewangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3 dan No. 13 hingga 23 adalah diberi di bawah ini).*

### DOKTOR PAKAR/UMUM— KEKURANGAN

**3. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa ramaikah negara kita mengalami kekurangan doktor pakar, doktor umum, Pembantu Hospital dan Jururawat Terlatih dalam memberi perkhidmatan yang sempurna kepada rakyat negara ini. Apakah tindakan yang dijalankan bagi mengatasi kekurangan ini.

**Menteri Kesihatan (Dato Chin Hon Ngian):** Negara kita masih mengalami kekurangan doktor pakar dan doktor umum yang berkhidmat dengan Kerajaan. Mengikut perjawatan, kekurangan doktor-doktor hanyalah lebih kurang 25% sahaja pada masa ini.

Langkah-langkah berikut adalah diantara langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan doktor-doktor dan pakar:

(i) *Pengambilan Pelajar-pelajar Perubatan*

Kerajaan telah menambah pengeluaran doktor-doktor dari Universiti-universiti tempatan di Malaysia dengan menambahkan pengambilan pelajar-pelajar di 3 fakulti Perubatan yang terdapat pada masa ini. Pengambilan ini telah naik kurang dari 300 dalam tahun-tahun 70an kepada lebih daripada 400 pada masa ini. Angka ini diharap akan meningkat kepada 450 pengambilan pada masa hadapan. Sebagai tambahan lebih kurang 130-140 doktor-doktor dijangka kembali dari Universiti-universiti luar negeri pada setiap tahun.

(ii) *Insentif-insentif yang diberikan oleh Kerajaan untuk menggalakkan pakar-pakar*

perubatan terus berkhidmat di hospital-hospital Kerajaan adalah seperti berikut:

(I) *Pakar-pakar Perubatan*

- (a) Menambahkan pengwujudan jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi dalam bidang-bidang kepakaran.
- (b) Mengwujudkan jawatan-jawatan kenaikan pangkat dalam berbagai-bagai bidang kepakaran, misalnya perubatan, Bedah Umum, Perbidanan dan Sakit puan dan Bius telah dinaikkan ke Tingkatan Tertinggi 'B' di Hospital Besar, Kuala Lumpur.
- (c) Beberapa jawatan-jawatan pakar telah dinaikkan ke Tingkatan Tertinggi atau taraf khas untuk Penyandang.
- (d) Elaun Pakar juga telah dinaikkan pada tahun 1983. Kadar Elaun Pakar ialah \$600 hingga \$1,600 bergantung kepada Tingkatan Tertinggi berbanding dengan elaun pakar sebelumnya sebanyak \$440 hingga \$1,200.
- (e) Berapa pegawai-pegawai pakar telah diberikan peluang untuk mengikuti kursus jangka pendek untuk menambahkan pengetahuan mereka dalam bidang kepakaran masing-masing.

(II) *Pegawai-pegawai Perubatan*

- (a) Doktor-doktor yang telah berkhidmat selama lima (5) tahun dan telah disahkan dalam jawatan akan dinaikkan secara atomis keperingkat Tingkatan Kanan.
- (b) Kerajaan menyediakan peluang-peluang melanjutkan pelajaran dengan mengadakan biasiswa untuk mereka yang berminat di bidang-bidang kepakaran juga peluang cuti

tanpa gaji bagi mereka yang tidak memperolehi biasiswa.

- (c) Tambahan kemudahan-kemudahan adalah diadakan untuk latihan Ijazah lanjutan doktor-doktor kami di Hospital-hospital Kerajaan Malaysia.
- (d) Beberapa peperiksaan Ijazah lanjutan oleh Royal College of United Kingdom dan Australia diadakan di Malaysia selain dari yang dikelolakan oleh Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- (e) Kita juga mengambil doktor-doktor yang sesuai dari negara jiran sama ada berdasarkan kerajaan dengan kerajaan ataupun swasta dengan kerajaan secara kontrak.

Bagi jawatan Pembantu Hospital dan Jururawat Terlatih Kementerian tidak manghadapi masalah kekurangan yang besar. Ini berdasarkan kepada peratus kekosongan dari jumlah keseluruhan jawatan berkenaan pada masa ini adalah kecil sahaja iaitu 6% bagi jawatan Pembantu Hospital dan 5% bagi jawatan Jururawat Terlatih.

Kakitangan dalam golongan-golongan ini adalah dilatih di Sekolah-sekolah di negara kita juga dan jumlah pengambilan pelatih bolehlah dinaikkan apabila perlu.

**MANGSA KES ROGOL—  
KETERANGAN**

**13. Tuan Gooi Hock Seng** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang yang memerlukan supaya keterangan-keterangan mangsa kes rogol disokongkan (corroborated) dan juga meminda seksyen yang berkaitan Kanun Jenayah bagi menambah hukuman terhadap kesalahan merogol seperti yang dicadangkan oleh Yang Arif Tuan Mustapha Hussein baru-baru ini.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kerajaan tidak bercadang membuat perundangan yang menjadikan mandatori bagi mahkamah-mahkamah untuk menerima testimoni yang tidak disokong daripada pengadu-pengadu dalam kes-kes rogol. Soal sama ada kenyataan seorang saksi itu boleh diterima ataupun tidak bergantunglah kepada faktor sama ada kenyataan itu munasabah dan boleh dipercayai. Undang-undang tidak memerlukan bahawa kenyataan pengadu dalam kes rogol perlu disokong (corroborated) sebelum ianya boleh diterima oleh mahkamah. Keperluan kenyataan itu disokong merupakan 'rule of prudence' sahaja. Maka terpujanglah kepada mahkamah menentukan sama ada kenyataan sipengadu itu boleh diterima atau tidak tanpa sokongan (corroboration).

Kerajaan tidak bercadang meminda Kanun Keseksaan untuk memberatkan lagi hukuman rogol oleh kerana hukuman yang ada sekarang adalah difikirkan cukup berat. Seksyen 376 Kanun keseksaan memperuntukkan seperti berikut:

"376. Sesiapa melakukan rogol hendaklah dihukum penjara selama tempoh yang boleh dilanjutkan hingga dua puluh tahun, dan hendaklah juga dikenakan denda, atau sebat."

#### HOSPITAL ESTET—PER-KHIDMATAN

**14. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab Kementerian beliau mengambil masa yang begitu lama untuk bertindak ke atas keadaan hospital estet yang amat buruk itu serta menyatakan bagaimanakah perkhidmatan hospital estet akan meningkat dengan pendaftaran sebagai hospital persendirian. Pernahkah tindakan diambil terhadap pihak pengurus estate kerana mengabaikan keadaan

kesihatan pekerja-pekerja estet. Jika ya, apakah tindakan yang telah diambil. Jika tidak, mengapa?

**Dato Chin Hon Ngian:** Hospital-hospital ladang, yang ditubuhkan di bawah Kanun Buruh, bertujuan memberi perkhidmatan kepada keperluan perubatan dengan serta merta atau kecemasan kepada pekerja-pekerja ladang pada masa Hospital-hospital Kerajaan adalah begitu sedikit dan berjauhan diantaranya dan juga kemudahan pengangkutan yang tidak mencukupi. Dengan jalanraya dan kemudahan-kemudahan pengangkutan bertambah baik, pembukaan pusat-pusat kesihatan di luarbandar dan klinik-klinik persendirian di bandar-bandar kecil, kemudahan-kemudahan perubatan lebih baik telah wujud di Kawasan-kawasan luarbandar dan pekerja-pekerja ladang boleh juga mendapatkan perkhidmatan perubatan di pusat-pusat ini. Walaupun mutu kemudahan perubatan yang disediakan oleh hospital-hospital ladang mungkin tidak sebaik seperti yang terdapat di hospital yang moden, hospital-hospital ladang itu telah sebanyak sedikit dapat memenuhi tujuan rawatan serta merta atau kecemasan kepada pekerja-pekerja ladang.

Pegawai-pegawai dari Kementerian Buruh dari masa ke semasa membuat pemeriksaan ke atas hospital-hospital ladang untuk menentukan peruntukan-peruntukan di bawah Kanun Buruh dipatuhi. Jika sekiranya didapati sebarang kekurangan pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan akan dihubungi untuk mendapatkan pandangan dan syor-syor berhubung dengan perkara-perkara kesihatan yang akan dikuatkuasakan oleh Kementerian ini.

Dengan berkuatkuasanya Akta Hospital-hospital Persendirian 1971, hospital-hospital ladang sebagai hospital dalam definisi Akta ini dikehendaki berlesen di bawah Akta

ini dan mematuhi peraturan-peraturan di dalamnya. Akta ini digubal antara lain untuk pendaftaran, pengawalan atau pemeriksaan hospital-hospital persendirian, dan sebagai undang-undang yang lebih baru daripada Kanun Buruh, akan mengatasi Kanun Buruh mengenai peruntukan-peruntukan berkaitan dengan tempat tinggal, peralatan dan rawatan perubatan dan juga perkara-perkara berkaitan.

Adalah diharapkan bila hospital-hospital ladang berlesen di bawah Akta Hospital-hospital Persendirian 1971, mutu kemudahan perubatan akan dapat dipertingkatkan. Usaha ini telah memakan masa yang lama sedikit oleh kerana perbincangan yang terpaksa diadakan dengan beberapa pihak untuk menyelesaikannya.

#### AKTA UNDANG-UNDANG SIVIK—KUATKUASA

**15. Tuan Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bersedia menangguh penguatkuasaan Akta Sivil (Pindaan) 1984 memandangkan kepada tentangan besar atas pindaan-pindaan itu dari parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan seperti FOMCA (Federation of Malaysian Consumers' Association) dan sementara itu menubuhkan suatu jawatankuasa dianggotai oleh wakil-wakil dari kamar Peguam Negara, Majlis Peguam, FOMCA, Persatuan Insuran Malaysia untuk membuat kajian teliti atas implikasi pindaan itu. Jika tidak, adakah Kerajaan bersedia mengambil langkah untuk menjamin premium insurans dikurangkan dalam polisi insuran kemalangan, memandangkan kepada kekurangan bayaran ganti rugi dengan sebab perlaksanaan Akta Undang-undang Sivil, 1984.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Akta Undang-undang Sivil (Pindaan) 1984 telah dikuatkuasakan pada 1hb Oktober 1984. Oleh yang demikian, soal menangguh penguatkuasaannya dan menubuhkan suatu jawatankuasa seperti yang dicadangkan untuk membuat kajian atas implikasi pindaan-pindaan kepada Akta Undang-undang Sivil 1956 tidak timbul. Ditegaskan di sini bahawa pindaan-pindaan yang berkenaan telah dilakukan selepas perkara ini dikaji dengan mendalam.

Bersabit dengan sama ada Kerajaan bersedia mengambil langkah untuk menjamin premium insurans kemalangan diri sendiri akan dikurangkan berikutan dengan pindaan kepada Akta Sivil 1984, saya kurang pasti apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Jika Ahli Yang Berhormat maksudkan kemalangan diri sendiri bermakna "personal accident policy", pampasan bagi polisi seperti ini adalah dibayar kepada pemegang-pemegang polisinya sahaja dan tidak melibatkan pihak ketiga. Premium bagi insurans tersebut adalah berasaskan kepada jumlah nilai polisi yang diambil dan jumlah ganti rugi adalah seperti yang ditetapkan dalam polisi-polisi yang diambil. Oleh yang demikian, ianya tidak mempunyai kaitan langsung dengan pindaan Akta Sivil 1984. Di sebaliknya pula, pindaan kepada Akta Sivil 1984 adalah melibatkan tuntutan-tuntutan di bawah polisi insurans motor. Walau bagaimanapun buat ketika ini adalah terlalu awal untuk dipertimbangkan mengurangkan kadar premium motor. Ini adalah disebabkan bahawa sebarang kajian semula kadar insurans motor perlu mengambil kira pengalaman tuntutan yang dihadapi oleh industri insurans seluruhnya. Namun demikian, Kerajaan buat masa ini tidak akan menimbangkan untuk menaikkan kadar premium insurans motor walaupun permohonan telah diterima dari pihak industri insurans.

## PAS KERJA KEPADA ORANG INDONESIA

**16. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan daripada kira-kira 310,000 orang-orang Indonesia yang dianggarkan bekerja di sini, berapa ramaikah daripada mereka yang telah diberi permit kerja, dan untuk apa jenis pekerjaan dan berapakah daripada mereka yang telah diberikan lesen untuk menjalankan perniagaan atau perniagaan kecil.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kerajaan tidaklah menyedari adanya sebegitu ramai orang-orang Indonesia yang bekerja di negara ini. Untuk maluman Dewan yang mulia ini, mengikut rekod dari tahun 1981 hingga bulan Jun 1984 seramai 1,644 orang Indonesia telah dikeluarkan Pas Kerja dari jumlah 62,906 orang warganegara asing yang telah diberikan Pas Kerja di dalam tempoh yang sama. Ini merupakan hanya 0.026 peratus dari pemegang-pemegang Pas Kerja.

## KENAIKAN PANGKAT DALAM PERKHIDMATAN AWAM

**17. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mencegah rasa pengasingan (sense of alienation) yang kian bertambah berasaskan garis-garis ethnik di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan dalam perkhidmatan awam di mana terdapat persepsi-persepsi yang kuat bahawa layanan saksama tidak diberi kepada semua kakitangan Kerajaan tanpa mengira kaum khususnya di bidang kenaikan pangkat dan penjawatan jawatan-jawatan penting, peluang-peluang latihan dan sebagainya.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Perasaan terasing yang dibangkitkan itu adalah merupakan persepsi sahaja. Kerajaan tidak mengamalkan dasar perbezaan layanan dalam hal-hal

kenaikan pangkat, penempatan dan latihan. Sebenarnya ada pegawai-pegawai bukan bumiputera yang memegang jawatan-jawatan penting dalam Kementerian/Jabatan Kerajaan dan Agensi-agensinya.

Kenaikan pangkat adalah berdasarkan kepada merit, peluang-peluang latihan adalah terbuka kepada semua golongan pegawai dan pemilihan adalah berdasarkan kepada asas-asas merit. Penempatan pegawai-pegawai ke jawatan-jawatan penting adalah juga berdasarkan kepada merit, kesesuaian dan penerimaan mereka oleh pihak-pihak yang berkenaan.

## CUTI BERSALIN BAGI GURU WANITA

**18. Tuan Chan Kok Kit** minta Perdana Menteri menyatakan mengapa guru-guru wanita dibenarkan mengambil cuti bersalin sebanyak tiga kali sahaja berbanding dengan kakitangan Kerajaan yang lain boleh mengambil cuti bersalin sebanyak lima kali.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepertimana pegawai wanita dalam Perkhidmatan Kerajaan yang lain, guru-guru wanita juga adalah dibenarkan mengambil cuti bersalin lima (5) kali sepanjang perkhidmatan mereka dengan Kerajaan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam Bil. 5 Tahun 1984. Peraturan yang baru ini adalah berkuatkuasa mulai 1.6.1984.

## EXTREMIST UGAMA

**19. Tuan Lim Liang Seng** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang berkesan telah diambil oleh Kerajaan untuk mencegah kegiatan-kegiatan golongan extremist agama tertentu yang cuba menegakkan pentadbiran Sistem MULLAH sepertimana yang didakwa itu.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Kerajaan sekarang sedang memerhati dan mengambil langkah-langkah tertentu untuk mencegah kegiatan-kegiatan golongan extremist agama seperti ini dan memastikan supaya perkara tersebut tidak berlaku di negara ini.

Menerusi agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan, penerangan-penerangan tentang kandungan ajaran agama yang menyeluruh terus dipergiatkan kerana extremism yang membawa bencana kepada kesejahteraan itu adalah bertentangan dengan Islam. Di samping itu kursus-kursus kefahaman Islam juga sedang diatur dan dilaksanakan dengan meluas.

#### DASAR PENSWASTAAN

**20. Tuan Ban Hon Keong** minta Perdana Menteri menyatakan sebagai mengamalkan dasar penswastan, adakah Y.B. Menteri menimbangkan untuk mengswastakan Bank Bumiputra, KTM, LLN dan Telekom dan jika ya, setakat mana ia akan diswastakan.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk menswastakan Jabatan Telekom Malaysia (JTM). Usaha untuk menggubal undang-undang yang diperlukan untuk menjadikan JTM sebuah syarikat swasta sedang dijalankan. Sehubungan dengan ini, harta-harta dan tanggungan-tanggungan serta pilihan bagi kakitangan JTM sedang dikaji. JTM akan diswastakan sepenuhnya dan pada peringkat permulaannya akan dimiliki oleh Kerajaan. Kepentingan Kerajaan dalam swasta secara beransur-ansur.

Bank Bumiputera tidak perlu lagi diswastakan memandangkan bahawa ianya sebuah institusi bank yang berdaftar di bawah Akta Bank 1973.

Berhubung dengan Keretapi Tanah Melayu (KTM), Kerajaan sedang meneliti kemungkinan mengadakan sistem keretapi baru, tolok (gauge) standard dan berelektrik bagi menggantikan sistem keretapi yang sedia ada. Had dan bentuk penswastan akan ditentukan di masa yang sesuai. Berkaitan dengan Lembaga Letrik Negara pula, Kerajaan buat masa ini tidak ada apa-apa rancangan untuk men-swastakannya.

#### GENERAL MEDICAL COUNCIL (GMS)—PENGIKTIRAFAN

**21. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada tindakan yang sewajarnya telah diambil untuk menjamin pengiktirafan oleh General Medical Council (GMC) terhadap ijazah perubatan dari Universiti Malaya pada masa jangka panjang; jika ya, apakah tindakan yang telah dan akan diambil. Berkaitan dengan ulasan oleh pihak GMC mengenai perbezaan dalam taraf di antara pelajar dari aliran STPM dan aliran yang lain adakah pihak GMC merujuk kepada aliran asasi sains. Apakah langkah yang akan diambil untuk mempertingkatkan mutu aliran tersebut.

**Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Soalan ini telah dijawab di Dewan Yang Mulia ini oleh Y.B. Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 11-10-84.

#### LAPORAN BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE

**22. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan telah menerima dan mengkaji Laporan sementara yang dibentangkan oleh Jawatankuasa penyiasat tiga

orang yang diketuai oleh Kedua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Nordin, mengenai peristiwa pinjaman Bumiputra Malaysia Finance;

- (b) sama ada laporan sementara mengandungi apa-apa penemuan (findings) mengenai percubaan untuk menutup (cover-up) peristiwa BMF dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil terhadap pihak-pihak yang bersalah; dan
- (c) sama ada Kerajaan bercadang mengumumkan hasil laporan jawatankuasa tersebut kepada orang ramai dalam bentuk kertas putih; jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Dato Sabbaruddin Chik: Saya tidak bercadang untuk menjawab soalan ini kerana jawapan yang sama telah diberi ketika menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 8hb Oktober, 1984.

### HUTANG MELALUI PINJAMAN

**23. Tuan Ban Hon Keong** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan negara kita telah demikian banyak berhutang melalui pinjaman dari dalam dan luar negeri, maka, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membayar balik pinjaman itu dan berapakah lamanya Kerajaan akan dapat menjelaskan hutang ini sebelum satu krisis kewangan terjadi.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Kerajaan membuat pinjaman bagi tujuan pembangunan selaras dengan pertumbuhan yang stabil tanpa menimbulkan inflasi, memburukkan imbalan pembayaran dan mengakibatkan ketidakstabilan kewangan negara.

Kerajaan juga tidak menghadapi masalah dalam menanggung hutang-hutangnya dan akan membuat

pembayaran megikut jadual. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nisbah bayaran balik hutang luar negeri bagi Kerajaan Persekutuan adalah dijangka sebanyak 5.5% bagi tahun 1984 dan nisbah ini adalah rendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG TAFAKUL

Rang undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai kawalan perniagaan tafakul di Malaysia dan bagi lain-lain tujuan yang berhubung dengan atau berkaitan dengan tafakul; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG KERJA (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (12hb Oktober, 1984)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh, sila menyambung.

3.43 ptg.

**Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien):** Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyambung perbahasan menggulung Rang Undang-undang Kerja (Pindaan), 1984.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa soalan telah pun dikemukakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini pada hari Jumaat yang lalu. Saya akan cuba memberi jawapan di mana yang boleh sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani ingin tahu berapa ramai pekerja-pekerja wanita yang akan menikmati faedah dari pindaan-pindaan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, daripada anggaran 100,000 orang pekerja yang bukan buruh kasar yang akan diliputi hasil dari pindaan-pindaan itu, kira-kira 40,000 adalah terdiri daripada wanita.

Mengenai perlindungan bersalin pula, adalah sukar bagi saya memberi angka, kerana seperti Ahli Yang Berhormat itu sedar juga, separuh pekerja-pekerja wanita akan melebihi umur boleh melahirkan anak, sementara yang lain mungkin mahu menghadkan bilangan anak.

Ahli Yang Berhormat itu telah juga bertanya mengapa diadakan had gaji \$1,000 bagi pekerja-pekerja yang bukan buruh kasar. Soalan ini saya telah pun jawab pada hari Jumaat yang lalu, tetapi saya akan ulangi sekali lagi dengan sedikit tambahan, iaitu Kerajaan dan khasnya Kementerian Buruh, berpendapat pekerja-pekerja yang bukan buruh kasar yang bergaji melebihi \$1,000 adalah lebih berpendidikan dan lebih berkemampuan untuk merundingkan syarat-syarat pekerjaan mereka yang biasanya lebih menguntungkan daripada yang diperuntukan dalam undang-undang. Bagaimanapun pekerja-pekerja itu adalah tidak dihalang oleh apa-apa Undang-undang Buruh untuk menggunakan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Akta Kerja 1955 sebagai syarat-syarat perkhidmatan pekerjaan mereka. Ini adalah

terpulang kepada pekerja-pekerja sendiri merundingkan perkara ini dengan majikan mereka.

Saya suka mengulangi sedikit lagi di sini iaitu peruntukan-peruntukan di dalam Akta Kerja 1955 adalah cuma yang minima bukan maksima. Oleh yang demikian adalah lebih baik jika pekerja-pekerja yang bergaji lebih \$1,000 sebulan itu diberi peluang untuk berunding dengan majikan mereka secara langsung untuk mendapat syarat-syarat pekerjaan yang lebih baik.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah juga bertanya mengapakah bayaran elaun bersalin di bawah Akta Kerja 1955 dihadkan kepada 5 orang anak yang hidup sedangkan di bawah Ordinan Kerja yang terdahulu tidak ada dihadkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya bilangan bayaran elaun bersalin tidak dihadkan langsung. Seterusnya dalam tahun 1977 bayaran elaun bersalin telah dihadkan kepada 3 orang anak yang hidup sahaja selaras dengan dasar Kerajaan mengenai perancang keluarga. Sekarang ini Kerajaan berpendapat bahawa telah tiba masanya untuk menaikkan sekatan itu dari 3 orang anak yang hidup kepada 5 orang anak yang hidup. Walau bagaimanapun, sekatan tersebut tidak dapat dihapuskan semua sekali oleh kerana ini akan membebankan lagi industri-industri yang mana sekarang ini sedang mengalami akibat-akibat kemelesetan ekonomi dunia.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah membangkitkan mengenai masalah pekerja-pekerja yang akan menghadapi kesukaran bagi mendapatkan faedah-faedah penamatan kerja sekiranya majikan-majikan mereka diisytiharkan muflis (bankrupt). Ahli Yang Berhormat itu mencadangkan supaya sebuah yaysan ditubuhkan untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, daripada rekod-rekod yang ada sejauh ini tidak terdapat kes-kes sedemikian. Justeru itu Kementerian saya berpendapat tidak ada keperluan buat masa ini untuk menubuhkan sebuah yayasan. Walau bagaimanapun jika keperluan tersebut timbul di masa-masa yang akan datang, cadangan Ahli Yang Berhormat itu atau langkah-langkah yang lain boleh ditimbang. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu di atas cadangan dan perhatian beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda kerana telah menyangkal sedikit sebanyak hujah-hujah dari Ahli Yang Berhormat dari Seremban. Selain dari itu Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah menyatakan bahawa terdapat diskriminasi terhadap pekerja-pekerja bumiputera mengenai gaji dalam separuh-separuh estet. Pada amnya tidak terdapat diskriminasi seumpama itu sama ada di estet-estet atau di tempat-tempat pekerjaan yang lain. Di mana terdapat ada perbezaan gaji, perbezaan ini adalah atas sebab faktor-faktor perbezaan dalam jenis dan keadaan kerja, lamanya berkhidmat, kemahiran dan pengalaman. Dalam satu dua kes di mana sebenarnya diskriminasi didapati, Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk membetulkan kedudukannya. Di samping itu sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda mempunyai sebarang maklumat yang tetap mengenai kejadian seumpama itu, sila kemukakan ke Kementerian saya dan tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah juga membangkitkan mengenai penguatkuasaan Undang-undang Buruh Kanak-kanak yang mana kata beliau haruslah diperhebatkan. Buruh kanak-kanak di

Malaysia adalah dilaporkan wujud di estet-estet dan tempat-tempat perniagaan kecil dari masa ke semasa. Pegawai-pegawai dari Kementerian saya sentiasa menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan biasa dari masa ke semasa dan juga pemeriksaan-pemeriksaan yang mengejut untuk menguatkuasakan Akta Pekerja Kanak-kanak dan Orang-orang Muda 1966 iaitu undang-undang yang melindungi buruh kanak-kanak. Majikan-majikan yang melanggar undang-undang itu adalah didakwa di mahkamah.

Dalam 10 tahun yang lalu iaitu dari tahun 1974-1983 sejumlah 199 tuduhan telah dibuat terhadap majikan yang didapati melakukan kesalahan dan telah didenda sejumlah \$50,190. Dalam kes di negeri Selangor yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, majikan yang berkenaan telah didakwa di mahkamah atas tiga tuduhan dan telah didenda sejumlah \$1,500. Dalam kes di negeri Perak itu pula, kes pendakwaan terhadap majikan yang berkenaan akan dibicarakan pada 19hb Oktober tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian tindakan-tindakan ini tidak mencukupi untuk mengatasi masalah buruh kanak-kanak. Kerjasama ibu bapa, majikan-majikan, sekolah-sekolah dan lain-lain sektor masyarakat adalah diperlukan. Kita perlu mengambil ingatan bahawa buruh kanak-kanak adalah berkaitan dengan kemiskinan dan merupakan kejadian biasa di negara-negara yang sedang membangun di seluruh dunia. Adalah dipercayai dengan beransur-ansur pembasmian kemiskinan maka buruh kanak-kanak akan beransur-ansur lenyap. Mengikut sumber-sumber ILO ada lebih kurang sebanyak 56 juta kanak-kanak bekerja di seluruh dunia dalam tahun 1976 yang mana kebanyakannya daripada negara-negara dunia ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Lumut telah mencadangkan agar Perkhidmatan Pekerja Kerajaan diswastakan memandangkan kos untuk menyediakan perkhidmatan itu adalah terlalu tinggi. Perkhidmatan pekerjaan yang disediakan oleh Kerajaan merupakan satu perkhidmatan percuma untuk menolong penganggur-penganggur dan pencari-pencari kerja yang lain bagi mendapatkan pekerjaan. Perkhidmatan itu adalah juga satu perkhidmatan sosial yang mustahak oleh kerana di samping menolong orang ramai mendapat kerja ia juga memberi khidmat nasihat dan bimbingan kerjaya. Jika ianya diswastakan maka penganggur-penganggur dan pencari-pencari kerja yang lain akan terpaksa membuat bayaran yang mereka tidak mampu untuk mendapatkan perkhidmatan itu. Buat masa ini Kementerian saya tidak bercadang untuk menswastakan perkhidmatan pekerjaan itu. Sememangnya telah ada agensi pekerjaan swasta yang diberi lesen oleh Kementerian saya dan dengan itu pencari-pencari kerja mempunyai pilihan untuk pergi ke agensi-agensi ini jika mereka suka berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang telah juga mengambil bahagian dalam perbincangan dan membangkitkan mengenai beberapa perkara. Di antara lain beliau telah mencadangkan supaya pusat-pusat menjaga kanak-kanak disediakan di semua tempat pekerjaan. Adalah tidak mungkin mengadakan satu undang-undang untuk mewajibkan majikan-majikan menyediakan pusat-pusat menjaga kanak-kanak di semua tempat pekerjaan oleh kerana masalah kekurangan tanah dan tempat, kewangan dan pentadbiran.

Jika pihak majikan terlalu dibebankan dengan kos pengurusan ianya akan melemahkan minat dan

semangat bakal-bakal pelabur-pelabur di negara kita serta mengurangkan peluang-peluang pengajian wanita.

Ahli Yang Berhormat itu juga mencadangkan supaya pembantu-pembantu rumah diberi segala faedah di bawah Akta Kerja 1955.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada sebab-sebab mengapa peruntukan-peruntukan tertentu Akta Kerja 1955 tidak diperluaskan untuk melindungi pembantu-pembantu rumah adalah seperti berikut:

- (1) kerja seseorang pembantu rumah adalah merupakan suatu yang sangat peribadi bentuknya dan dilakukan dalam sebuah rumah persendirian. Dalam banyak keadaan seseorang pembantu rumah dianggap seorang ahli keluarga.
- (2) masa kerja yang sebenarnya adalah sangat longgar dan terdapat banyak masa dihabiskan dengan percuma di antara tempoh kerja sebenarnya.
- (3) kekerapan ketidakhadiran yang majikan perlu terima.
- (4) perbincangan kerja rumah dalam masyarakat berbilang kaum serta syarat-syarat perkhidmatan yang berbeza dengan majikan-majikan daripada kumpulan pendapatan dan bangsa yang berbeza.
- (5) pada umumnya mereka dalam kedudukan untuk merundingkan syarat pekerjaan yang lebih baik oleh kerana kekurangan pembantu rumah dalam masa sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang telah juga mencadangkan supaya Kerajaan Malaysia mengiktiraf Konvensyen ILO 103 mengenai perlindungan semasa bersalin. Adalah tidak wajar pada masa ini bagi negara kita sebagai sebuah negara yang sedang

membangun untuk mengiktiraf Konvensyen ILO 103 ini yang mana memperuntukkan 84 hari cuti bersalin dengan gaji. Mengikut amalan dan adat pantang berbagai masyarakat dalam negara kita, seseorang pekerja wanita semasa bersalin menghindarkan diri daripada aktiviti-aktiviti biasa selama di antara 30 hingga 44 hari. Justeru itu peruntukan 60 hari cuti bersalin ini di bawah undang-undang yang ada sekarang adalah dianggap memadai.

Ahli Yang Berhormat dari Sibul telah menyatakan bahawa harus diadakan satu gaji minima kebangsaan. Negara kita sebagai sebuah negara demokrasi percaya dengan perusahaan bebas (free enterprise). Justeru itu pekerja-pekerja atau kesatuan mereka boleh merundingkan mengenai gaji dan syarat-syarat pekerjaan dengan majikan mereka. Pendapatan gaji bergantung kepada bekalan dan permintaan (supply and demand) tenaga kerja dan juga menjadi hak individu majikan mengikut kemampuan dan keupayaan majikan untuk membayar serta kawasan dan tempat pekerjaan. Kementerian saya berpuas hati dengan sistem yang ada sekarang dan oleh itu tidak bercadang untuk mengadakan satu gaji minima kebangsaan.

Akan tetapi terdapat perundangan bagi pembentukan Majlis Gaji untuk menetapkan kadar saraan minima bagi pekerja-pekerja dalam industri-industri di mana tidak ada jentera yang mencukupi untuk merundingkan tentang gaji dan syarat-syarat pekerjaan.

Pada masa ini telah pun wujud empat Majlis Penetapan Gaji dan sekiranya ada pekerja-pekerja yang tidak dilindungi oleh mana-mana Majlis Penetapan Gaji dan ingin merayu tentang kadar gaji atau syarat-syarat pekerjaan boleh membuat rayuan kepada Kementerian saya secara persendirian atau bersama-sama

dengan pihak majikan mereka. Jika didapati sesuai dan perlu sebuah lagi Majlis Penetapan Gaji akan ditubuhkan.

Ahli Yang Berhormat dari Sibul itu telah juga mendakwa bahawa guru-guru wanita dan pegawai wanita di Jabatan Pelajaran di Sarawak hanya diberi 42 hari cuti bersalin. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah benar oleh kerana mereka itu adalah termasuk di bawah golongan kakitangan Kerajaan dan oleh itu diberi cuti bersalin selama 42 hari. Perbezaan cuti bersalin di antara sektor awam dan sektor swasta akan jelas sebentar lagi.

Bagi soalan Ahli Yang Berhormat itu bilakah Akta Kerja 1955 akan diperluaskan kepada Sabah dan Sarawak, suka saya beritahu Ahli Yang Berhormat itu perundingan di antara Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dengan Kerajaan Persekutuan adalah di peringkat terakhir sekarang dan Akta ini akan diperluaskan ke negeri-negeri berkenaan sebaik sahaja persetujuan dicapai dari Kerajaan Negeri-negeri itu. Bagi Kementerian saya kami berharap Akta ini dapat diperluaskan ke Sabah dan Sarawak pada awal tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar di antara lain telah membangkitkan mengenai perbezaan tempoh cuti bersalin bagi kakitangan Kerajaan dan pekerja-pekerja di sektor swasta.

Syarat-syarat perkhidmatan bagi kakitangan Kerajaan dan pekerja-pekerja swasta adalah berbeza. Sungguhpun kakitangan Kerajaan mendapat cuti bersalin selama 42 hari dengan bergaji penuh mereka diberi faedah-faedah lain yang tidak terdapat di dalam sektor swasta. Di samping itu kakitangan Kerajaan juga boleh mendapat cuti sakit untuk selama 180 hari selepas mendapat kelulusan daripada pihak-pihak yang tertentu.

Oleh itu, persamaan bagi tiap-tiap aspek faedah di antara kakitangan Kerajaan dan pekerja-pekerja di sektor swasta tidaklah dapat diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera dan Kepong telah membangkitkan mengenai diskriminasi terhadap pekerja-pekerja wanita di sektor awam dan sektor swasta termasuk kenaikan pangkat mereka. Negara kita memang berpegang kepada konsep layanan dan gaji yang sama bagi pekerja-pekerja lelaki dan wanita. Ini adalah dilakukan oleh Kerajaan sebagai majikan yang terbesar. Di sektor swasta jika terdapat perbezaan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan adalah disebabkan oleh jenis pekerjaan.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Mengenai kenaikan pangkat, pekerja-pekerja wanita dalam sektor awam diberi peluang yang sama untuk kenaikan pangkat. Di sektor swasta juga didapati wanita bekerja sebagai Pengurus-pengurus dan Ketua-ketua Bahagian atau Seksyen.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah mencadangkan penubuhan Suruhanjaya untuk mengkaji faedah-faedah bagi pekerja-pekerja wanita.

Tuan Yang di-Pertua, kajian ke atas faedah-faedah bagi pekerja-pekerja wanita boleh dibuat, tetapi tidaklah semestinya sebuah Suruhanjaya ditubuhkan, kita ada mempunyai jentera dalam mana perkara ini boleh dibincangkan. Misalnya, Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) adalah satu-satu badan yang boleh membuat kajian itu jika diperlukan.

Ahli Yang Berhormat itu telah juga mencadangkan supaya . . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat dari Kepong minta jalan, adakah Yang Berhormat hendak beri jalan?

**Datuk William Lye Chee Hien:** Saya fikir tidak payahlah, saya akan habiskan jawapan saya ini.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Datuk William Lye Chee Hien:** Ahli Yang Berhormat itu ada juga mencadangkan supaya suami-suami yang isteri mereka sedang bersalin hendaklah diberi cuti bersalin (paternity leave).

Negara kita seperti yang telah saya sebutkan tadi masih sedang membangun dan buat masa ini adalah tidak praktikal atau wajar untuk menimbangkan persoalan cuti paternity untuk suami-suami seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran dan memberi cadangan-cadangan yang berguna dan berfaedah, tentu sekali Kementerian saya akan meneliti perkara-perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini dibuat mengikut keperluan sekarang, lain-lain pindaan undang-undang akan dibuat dari masa ke semasa mengikut keperluan dan keadaan masa. Cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana didapati sesuai akan diambil kira semasa melakukan pindaan-pindaan di masa hadapan, yang mana akan juga dibawa ke Dewan yang mulia ini untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya

ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PEJABAT POS (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*4.05 ptg.*

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947 dan mengadakan peruntukan mengenainya perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947 dengan memasukkan satu bahagian baru bagi memperuntukkan Sistem Perakaunan Perdagangan yang akan diterima pakai oleh Jabatan Perkhidmatan Pos. Untuk tujuan ini Kumpulan Wang Pos perlulah ditubuhkan, yang mana wang yang ditetapkan dalam fasal tertentu Rang Undang-undang itu akan dimasukkan

ke dalam Kumpulan Wang ini dan pembayaran yang ditetapkan dalam fasal tertentu Rang Undang-undang ini akan dibuat daripadanya.

Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua, sedia maklum Jabatan Perkhidmatan Pos adalah termasuk dalam golongan Jabatan yang menjalankan kegiatan bercorak perniagaan. Walau bagaimanapun, Sistem perakaunan yang telah dijalankan selama ini bukanlah sistem perakaunan perniagaan, tetapi sistem perakaunan seperti mana yang diamalkan oleh kebanyakan Jabatan Kerajaan yang lain. Objektif penukaran sistem perakaunan Jabatan Perkhidmatan Pos Malaysia kepada sistem perakaunan perniagaan yang dicadangkan adalah antara lain untuk membereskan setakat mana mungkin segala belanja membekalkan kemudahan dan perkhidmatan pos dengan segala pendapatan yang diperolehi daripadanya. Sistem perakaunan perniagaan akan juga dapat memberi Jabatan Perkhidmatan Pos flexibility, dengan izin, dan otonomi yang lebih berkesan dalam pengurusan dan operasi hariannya di samping mewujudkan kawalan yang lebih baik terhadap pendapatan dan perbelanjaan operasinya termasuk perbelanjaan pembangunan, dan dengan ini kecekapan Jabatan akan meningkat dan orang ramai akan menikmati faedah perkhidmatan yang lebih sempurna. Sistem perakaunan perniagaan yang dicadangkan dilaksanakan di Jabatan Perkhidmatan Pos hanya boleh dipraktikkan dengan adanya satu kumpulan wang supaya akaun Jabatan Perkhidmatan Pos itu diasingkan daripada akaun induk hasil dan perbelanjaan Kerajaan, tanpa pengasingan tersebut adalah sukar bagi cadangan ini dilaksanakan oleh kerana mengikut amalan sekarang perakaunan hasil dan perbelanjaan bagi Jabatan Perkhidmatan Pos adalah disatukan di bawah kira-kira hasil dan perbelanjaan Kerajaan.

Kumpulanwang pos yang dicadangkan ini boleh diwujudkan melalui pindaan kepada Akta Pejabat Pos 1947 seperti mana yang pernah dilaksanakan bagi mewujudkan kumpulanwang telekom dalam tahun 1971 dan kumpulanwang penerbangan awam dalam tahun 1975 melalui pindaan kepada Akta Jabatan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang bagi meminda Akta Pejabat Pos 1947 yang dicadangkan ini adalah melibatkan Bahagian II Akta berkenaan dengan memasukkan Bahagian IIA yang baharu. Rang Undang-undang ini akan memperuntukkan sistem perakaunan perniagaan yang akan dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos. Untuk tujuan ini satu kumpulanwang pos adalah ditubuhkan yang mana wang yang ditetapkan akan dimasukkan dalam kumpulanwang itu dan pembayaran yang ditetapkan akan dibuat daripadanya.

Yang Berhormat Menteri Kewangan selepas berunding dengan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos akan memutuskan bagi sesuatu tahun kewangan jumlah wang yang akan dibayar daripada kumpulanwang itu bagi maksud pembangunan dan ia juga boleh memutuskan selepas berunding dengan Menteri Tenaga Telekom dan Pos supaya apa-apa jumlah yang lebih daripada apa yang diperlukan oleh kumpulanwang pos itu dimasukkan dalam akaun hasil yang disatukan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Pos Malaysia hendaklah menjalankan dasar yang boleh mendatangkan hasil kewangan sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan. Apa-apa keuntungan bersih yang diperolehi daripada perkhidmatan pos bagi sesuatu tahun kewangan hendaklah digunakan mengikut cara yang diputuskan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

Rang Undang-undang ini juga memperuntukkan supaya penyata anggaran pendapatan dan perbelanjaan bagi sesuatu tahun kewangan dihantar kepada Perbendaharaan dan supaya suatu penyata anggaran hasil kewangan bagi sesuatu tahun kewangan itu dikemukakan kepada kedua-dua Majlis Parlimen dan juga supaya akaun perniagaan diaudit oleh Ketua Audit Negara.

Rang Undang-undang ini juga memperuntukkan fasal pengecualian, yakni apa-apa peruntukan lain dalam Akta Acara Kewangan 1957 dan Akta Kumpulanwang Kemajuan 1966 serta apa-apa peraturan yang dibuat dan apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawahnya itu dipakai bagi Jabatan Perkhidmatan Pos.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kewangan, Rang Undang-undang yang dicadangkan ini akan melibatkan Kerajaan dengan perbelanjaan tambahan yang dijangka akan berkisar di sekitar keperluan mengadakan tenaga kerja perakaunan serta belanja perjalanan latihan dan lain-lain yang diperlukan semasa melaksanakan sistem baru ini. Walau bagaimanapun, adalah menjadi prinsip perniagaan supaya perbelanjaan yang tidak dapat dielakkan semasa melaksanakan sistem ini perlu ditanggung oleh Jabatan Perkhidmatan Pos sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, memandang kepada faedah-faedah yang telah dinyatakan maka adalah difikirkan perlu bagi Rang Undang-undang ini dipertimbangkan oleh Dewan yang mulia ini bagi menubuhkan kumpulanwang bernama Kumpulanwang Pos pada tarikh yang akan ditetapkan dalam warta dan melaksanakan sistem perakaunan perniagaan dalam Kumpulanwang Pos yang ditubuhkan itu.

Saya dengan ini mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.13 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan beberapa pandangan saya terhadap Rang Undang-undang Akta Pejabat Pos (Pindaan) 1984 yang tadi telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Selepas mendengar hujah-hujah dan huraian yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tadi gambaran yang saya dapat ialah bahawa salah satu tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meningkatkan lagi darjah kecekapan dan kelicinan perkhidmatan pos di negara kita menerusi pemakaian satu sistem perakaunan perdagangan dan untuk mencapai maksud ini maka satu Kumpulanwang Pos akan ditubuhkan bagi memperkemaskan perjalanan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mempunyai satu Kumpulanwang Pos yang tersendiri bererti mudahlah bagi pentadbiran perkhidmatan pos merancang dan melaksanakan berbagai perkara mengenai pembangunan, baik untuk pembangunan di bandar-bandar malah di kawasan luar bandar dan kawasan pendalaman oleh kerana telah mempunyai wang sendiri. Dengan mempunyai Kumpulanwang Pos yang

berasingan ini bererti mempercepatkan lagi perjalanan perkhidmatan pos, baik dari segi pentadbiran kewangan dan pentadbiran keseluruhannya yang manfaatnya akan diterima oleh orang ramai.

Memandangkan kepada tujuan atau objektif ini maka saya suka membangkitkan beberapa perkara mustahak yang difikirkan berguna untuk kebaikan perkhidmatan pos demi kepentingan orang ramai. Saya berpendapat bahawa Kementerian hendaklah menimbang bagaimana boleh perkhidmatan pos ini dengan adanya kumpulanwang ini diperluaskan ke kawasan-kawasan luar bandar dan kawasan pendalaman serta bandar-bandar kecil, kawasan-kawasan perumahan yang masih belum memperolehi perkhidmatan pos dengan membuka lebih banyak Pejabat Pos Kecil ataupun Wakil Pos.

Di sini saya mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada Kementerian mempunyai apa-apa rancangan yang hendak diatur dengan menggunakan wang daripada Kumpulanwang Pos itu kelak. Saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri dapatlah memberikan, sekiranya boleh, butir-butir lanjut tentang rancangan-rancangan pembangunan ini.

Di samping membahaskan Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh di sini sistem, dengan izin, "drop bag" yang baru diperkenalkan oleh Jabatan Pos untuk kawasan-kawasan di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya sebagai satu cara untuk mengatasi kelambatan kiriman pos kepada penerima-penerima dan tidak kecuali dalam sistem ini ialah bahawa semua surat-surat urusan Kerajaan yang mana objektifnya ialah supaya surat-surat ini

dapat disampaikan kepada si penerima dalam masa 24 jam mengikut "drop bag system" yang baru ini dilaksanakan. Menurut sistem baru ini semua kakitangan-kakitangan di berbagai-bagai Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan Kerajaan diperlukan mengasingkan surat-surat mengikut destinasi dan dihantar secara berbungkus ke Pejabat Pos Besar, Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Tidak dapat dinafikan bahawa langkah ini merupakan satu langkah yang baik, tetapi suka saya mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan supaya pihak Jabatan Pos ini dapat mengaturkan satu jentera di dalam pentadbirannya bagi maksud untuk memastikan bahawa objektifnya ialah objektif untuk menyerahkan mel-mel ini dalam masa 24 jam dapat dilaksanakan dengan cara yang licin dan berkesan.

Saya menyentuh perkara ini oleh kerana bahawa pada anggapan saya sungguhpun sistem ini telah dilaksanakan tetapi sekiranya tidak saya memberi satu contoh di mana saya sendiri yang sentiasa membuat banyak surat-surat kepada Jabatan-jabatan Kerajaan, apabila saya menerima jawapan daripada Jabatan-jabatan yang berkenaan atas urusan Kerajaan nampaknya mel-mel itu saya sentiasa terima lewat dan bukan mengikut masa 24 jam ini, sungguhpun kadangkala ada mel-mel yang mustahak misalnya yang hendak diuruskan oleh saya sendiri. Maka saya berharap bahawa pihak Jabatan Pos ini dapat meneliti perkara ini dan berikhtiar untuk mencari jalan bahawa sistem drop bag ini dapat dilaksanakan mengikut apa yang telah ditetapkan dan mel-mel atas urusan Kerajaan dapat disampaikan dalam masa 24 jam.

Di samping itu, saya suka menggunakan peluang ini untuk menyentuh tentang sistem Kod Pos yang diperkenalkan oleh Jabatan Pos yang mana tujuan asasnya ialah untuk mempercepatkan serahan mel. Sistem

ini hanya diperkenalkan di Kuala Lumpur sahaja pada masa ini dan saya berharap bahawa sistem Kod Pos ini dapat diperkenal dan dilancarkan di seluruh negara dengan seberapa segera.

Kod Pos pertama yang dilancarkan di Kuala Lumpur ialah sejak Wilayah Persekutuan ditubuhkan pada tahun 1972. Saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mengarahkan supaya sistem Kod Pos ini dapat diperkenalkan dengan seberapa segera di seluruh negara supaya bukan sahaja orang ramai di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur boleh menikmati kemudahan ini akan tetapi orang ramai yang menduduki di kawasan-kawasan ataupun bandar-bandar kecil dapat juga menikmati kemudahan ini.

Yang akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggunakan kesempatan ini juga untuk menyentuh satu perkara yang saya anggap adalah penting demi kebajikan kakitangan-kakitangan Pos di negara ini. Maka dengan adanya Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk menubuhkan satu Kumpulan Wang Pos bagi tujuan untuk meningkatkan kecekapan Pos dari segi pembangunan, dari segi melancarkan ataupun membangunkan lebih banyak projek-projek pada masa yang akan datang maka saya juga berpendapat bahawa pihak Kementerian ataupun pihak Jabatan Pos dapat menimbang satu syor yang saya ingin menyampaikan di sini iaitu sama ada Jabatan Pos atau Kementerian yang berkenaan dapat menubuhkan satu tabung kebajikan untuk menjaga hal ehwal kebajikan para pekerja Pos.

Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, pihak tentera dan Polis mempunyai tabung wang masing-masing untuk membantu para anggota mereka yang mendapat kemalangan atau yang terbunuh semasa menjalankan tugas mereka.

Sebagai contoh saya mendapat tahu dan saya yakin bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat pun sedar dan maklum bahawa baru-baru ini seorang penghantar telegram yang terbunuh dalam satu kejadian tembak-menembak yang berlaku di Kuala Lumpur maka sekiranya ada kemalangan seperti ini berlaku apakah sumbangan yang Jabatan yang berkenaan boleh menghulurkan kepada keluarga Allahyarham sekiranya Tabung Kebajikan Pekerja yang dimaksudkan itu tidak wujud. Maka saya hendak menyampaikan syor ini untuk pihak yang berkenaan memberi pertimbangan yang wajar oleh kerana tadi saya ada menyebut bahawa sekiranya di pihak Tentera dan Polis masing-masing mengadakan ataupun mempunyai satu tabung kebajikan ini maka saya berharap bahawa syor ini dapat diteliti, ditimbang oleh pihak Kementerian demi kepentingan kakitangan-kakitangan Pos di negara kita. Sekian, terima kasih.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Silam.

4.26 ptg.

**Tuan Abdullah bin Haji Abdul Hamid (Silam):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun adalah untuk mengambil bahagian dalam membahar Rang Undang-undang Akta Pejabat Pos (Pindaan) 1984 yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos untuk dibahas dan diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hemat saya Rang Undang-undang Akta Pejabat Pos (Pindaan) 1984 yang akan meminda Akta Pejabat Pos 1947 dengan memasukkan Bahagian IIA adalah mustahak dan penting bagi melicinkan perjalanan pentadbiran dan sistem perakaunan perdagangan yang sistematik dan efektif bagi Jabatan Pos di seluruh negara.

Dengan memasukkan Bahagian II yang memperuntukkan suatu sistem perakaunan perdagangan yang baru dengan bertujuan untuk menubuhkan suatu Kumpulan Wang Pos atau Postal Fund, dengan izin, maka sudah tentu Jabatan Pos akan dapat menyelenggarakan pentadbiran dan perjalanan perkhidmatannya dengan efektif dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini ditubuhkan pada 27hb Julai, 1978 ia telah diberikan tanggungjawab yang saya rasa amat penting iaitu mengawasi, mengawal dan memastikan supaya perkhidmatan pos, perkhidmatan elektrik dan telekom berkembang sejajar dengan kehendak negara kita.

Rakyat negara ini terutama sekali yang tinggal di luar bandar sesungguhnya mengharapkan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini supaya dapat merangka dan melaksanakan strategi-strategi dan program-programnya dengan berkesan dan saya berpendapat berkuatkuasanya Akta Pejabat Pos 1984 ini maka usaha Jabatan Pos untuk meluaskan dan mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatannya akan dapat dicapai dengan sepenuhnya.

Seperti kita semua sedia maklum adalah menjadi hasrat dan matlamat Kerajaan untuk mengadakan perkhidmatan pos yang cekap dan berdisiplin seperti dalam Fasal-fasal IIL, IIM dan IIN, saya berharap Kementerian ini akan dapat merangka strategi-strategi dan melaksanakan program-programnya dengan lebih berkesan lagi.

Dalam merancang dan melaksanakan program-program ini pihak Kementerian hendaklah seharusnya memberikan penekanan dan perhatian kepada keperluan-keperluan pembangunan ekonomi dan

sosial rakyat negara ini terutama sekali seperti yang saya sebutkan di awal-awal tadi mereka yang tinggal di luar bandar.

Usaha untuk memperluaskan rangkaian pejabat pos dengan mengadakan kemudahan-kemudahan lengkap demi menjamin kelicinan dan ketinggian mutu perkhidmatan pejabat pos di seluruh negara, sejajar dengan hasrat dan matlamat kita, Kementerian Pejabat Pos hendak melaksanakan dan mempercepatkan program-program yang telah dan sedang dirangka. Dengan tertubuhnya Postal Fund atau Kumpulan Wang Pos apabila Akta Pejabat Pos (Pindaan) 1984 ini diluluskan dan dikuatkuasakan, saya percaya pejabat pos akan dapat menunaikan tanggungjawabnya dengan lebih efektif dan berkesan. Aktiviti-aktiviti Kementerian dalam pentadbirannya sudah tentu akan dapat dipertingkatkan lagi. Mutu kecekapan pentadbiran kewangan, pentadbiran perjawatan perkhidmatan di bawah jagaan Kementerian ini serta juga agensi-agensi di bawah penguasaannya tentu akan dapat berjalan dengan lancar.

Jabatan-jabatan terutama sekali Jabatan Pos serta agensi-agensi yang lain yang memberikan khidmat pos akan dapat bergerak dengan licin dan berkesan sejajar dengan slogan Bersih, Cekap dan Amanah yang kita sentiasa laung-laungkan.

Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap semua jabatan, terutama sekali Jabatan Pos akan dapat merancang program-program yang sesuai untuk masyarakat negara ini dengan memberi keutamaan dan menumpukan perhatian kepada masyarakat yang tinggal di luar bandar. Saya percaya dengan peruntukan dalam Akta Pejabat Pos (Pindaan) 1984 ini, Kementerian akan dapat melancarkan lebih banyak lagi pejabat-pejabat pos bergerak serta mengadakan lebih banyak lagi

perwakilan-perwakilan pos bagi kemudahan penduduk yang tinggal di luar bandar.

Pejabat-pejabat pos bergerak dan perwakilan-perwakilan pos adalah satu dalam hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, satu kemudahan ataupun antara kemudahan yang sangat-sangat diperlukan oleh rakyat dan penduduk-penduduk yang tinggal di negeri Sabah oleh kerana kebanyakan daripada penduduk negeri ini terdapat dan tinggal di luar bandar, di pulau, di kampung yang terpencil di pedalaman. Dalam tahun 1976 terdapat 699,614 orang ataupun lebih kurang 81% daripada penduduk negeri Sabah tinggal di luar bandar.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk membuat satu cadangan supaya Kementerian ini akan membuat tumpuan dan perhatian yang sewajarnya kepada keperluan-keperluan dan perkhidmatan-perkhidmatan pos di negeri Sabah. Saya yakin dan percaya kuasa-kuasa yang termaktub dalam fasal-fasal IIL, IIM dan IIN dalam Akta Pejabat Pos (Pindaan) 1984 sudah tentu perhatian yang akan diambil oleh Kementerian ini akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyebut kawasan saya di sini dalam membahaskan Rang Undang-undang ini. Di kawasan saya di daerah Semporna, satu bandar kecil, terdapat hanya sebuah pos kecil sahaja dan ia hanya memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk yang tinggal di sekitar bandar ini. Bagaimana dengan perkhidmatan yang diperlukan oleh mereka yang tinggal di luar bandar di kampung, di pulau yang terpencil. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan agar Kementerian, Tenaga, Telekom dan Pos ini akan menumpukan perhatian kepada masalah-masalah penduduk yang tinggal di luar bandar. Di Pulau

Bumbung sahaja, sebuah pulau di daerah Semporna terdapat lebih-kurang 24,000 penduduk termasuklah penduduk-penduduk yang tinggal di luar bandar yang tinggal di pulau-pulau dan di kampung-kampung. Di pulau ini terdapat 11 buah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah yang akan dimulakan pembinaannya tidak lama lagi. Malang sekali Tuan Yang di-Pertua, di kawasan ini tidak terdapat sebarang perkhidmatan pos yang sangat-sangat diperlukan . . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat, sila duduk sebentar.

**Tuan Abdillan bin Haji Abdul Hamid:** Ya.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah agak khusus bersabit dengan satu cadangan pindaan kepada Akta Pejabat Pos 1947 bagi memberi kuasa kepada pihak berkenaan mengadakan satu Postal Fund. Memandangkan saya lihat sepintas lalu banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin bercakap dalam perkara ini saya agak, saya harapkan Yang Berhormat tumpukan perbincangan kepada perkara khusus ini. Terima kasih.

**Tuan Abdillan bin Haji Abdul Hamid:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menekankan itu untuk sebagai menjelaskan bahawa dengan adanya Akta ataupun Akta Pos (Pindaan) 1984 ini maka Kementerian dapatlah mengambil perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga percaya apabila Akta Pejabat Pos (Pindaan) 1984 ini dikuatkuasakan kewangan untuk pembangunan dan bayaran perkhidmatan akan dapat dinyatakan dengan lebih sistematik setelah Sistem Perakaunan

Perdagangan yang diperuntukkan diterima dan dipakai oleh semua jabatan-jabatan pos di seluruh negara ini.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga akan menyentuh kuasa-kuasa penuh dalam Akta ini, kuasa-kuasa yang diberi kepada Menteri berkenaan, Menteri Kewangan ataupun Menteri Tenaga, Telekom dan Pos di mana ia dikehendaki menjalankan tugas dengan izin, satu "duplication" dalam menjalankan tugas atau menjalankan kuasa-kuasa dalam Akta ini.

Saya percaya Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos akan dapat menjelaskan bagaimanakah Jabatan Pos atau Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos menjalankan tugas dengan licin sekiranya kelulusan daripada Menteri Kewangan diperlukan lagi. Dalam peruntukan itu saya percaya wang telah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Pos yang akan ditubuhkan dan diperuntukkan dalam Akta ini, kelulusan Menteri Kewangan dalam fikiran saya tidak perlu lagi oleh kerana penyata-penyata anggaran tahunan yang akan dibiayai oleh Tabung tersebut telah pun dirancangan dan yang hendak dijalankan oleh Kementerian berkenaan.

Bagaimanakah Jabatan Pos melaksanakan tanggungjawabnya dengan licin seperti mengadakan perkhidmatan mel dan wang kiriman yang baik dan cekap di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan sebentar tadi iaitu perkhidmatan-perkhidmatan mel kita dan perkhidmatan-perkhidmatan kiriman wang kita yang tidak memuaskan, saya berharap Kementerian ini akan mengambil tindakan yang sewajarnya apabila peruntukan-peruntukan dalam Akta ini akan dapat dipraktikkan nanti ataupun dikuatkuasakan nanti.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) 1984 dengan sepenuhnya.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai.

4.41 ptg.

**Tuan Tan Kok Hooi (Padang Serai):** Tuan Yang di-Pertua, adalah wajar sekiranya dikomen bahawa perkhidmatan-perkhidmatan pos kita perlu dibaiki.

Hampir setiap minggu kita boleh baca tentang sungutan-sungutan orang ramai dalam akhbar mengenai kehilangan mel, kelewatan mel dan lain-lain bentuk aduan, sebab perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan itu adalah berlainan daripada jangkaan mereka.

Mereka mempunyai harapan supaya diberi sistem perkhidmatan yang lebih baik dan efisien. Saya tidak merasa ragu-ragu sama ada pegawai-pegawai kita yang berkenaan sedang berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk membaiki perkhidmatannya demi meminimalkan sungutan-sungutan orang ramai. Tetapi saya mendapati bahawa jaminan untuk menyediakan satu sistem perkhidmatan yang lebih memuaskan berikutan daripada sungutan-sungutan itu masih belum memadai dengan harapan orang ramai terhadapnya. Kita perlu mengadakan langkah-langkah positif untuk mempertingkatkan perkhidmatan-perkhidmatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak beberapa lama dahulu kita pernah mendengar bahawa mengenai sistem pos di Amerika yang sedang melancarkan satu kempen menggalakkan orang ramai supaya lebih banyak menulis surat kepada satu sama lain. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh pengurangan dalam

bilangan mel perseorangan di kalangan orang ramai atas sikap mereka yang lebih mirip untuk berkomunikasi menerusi telefon di antara satu sama lain.

Saya bukan bermaksud bahawa negara kita akan turut mengalami keadaan yang serupa dalam masa-masa yang akan datang, tetapi memandangkan bahawa kemudahan-kemudahan telefon dan lain-lain bentuk sistem komunikasi semakin berkembang maju di negara ini, saya yakin kita tidak dapat melarikan diri dari hakikat ini.

Apa yang saya ingin tegaskan di sini ialah amat baik supaya pihak-pihak pos yang berkuasa berpegang teguh kepada kenyataan bahawa tidak ada pengganti lain yang lebih efisien, cekap dan mesra selain daripada perkhidmatan pos.

Tuan Yang di-Pertua, pada pertengahan tahun ini, Jabatan Perkhidmatan Pos kita telah melancarkan satu servis facsimile. Servis ini yang menghubungkan sebanyak 8 buah bandaraya utama negara kita dengan 3 buah pusat bandaraya antarabangsa iaitu Hong Kong, Sydney dan London.

Kita mendengar cadangan-cadangan untuk menimbang sistem servis ini dengan servis inter-post dan dalam pada itu menghubungkan Singapura, Jepun, Korea Selatan dan Kanada. Saya tidak tahu apakah rasional-rasional yang digunakan untuk memilih bandaraya-bandaraya ini. Melainkan jika berlaku masalah-masalah teknik saya merasa hairan kenapa servis itu tidak merangkumi Amerika Syarikat. Saya beranggapan sedemikian memandangkan pasaran Amerika Syarikat begitu penting kepada kita disamping merupakan sebuah sumber pelaburan utama bagi kita.

Barangkali Menteri yang bertanggungjawab ke atas perkara ini boleh menjelaskan kepada kita mengenai pengecualian Amerika Syarikat dari sistem perkhidmatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa bulan yang lepas terdapat laporan-laporan mengenai kelemahan yang wujud dalam sistem kawalan di pejabat-pejabat pos di negara kita. Kejadian tembak menembak dan perompakan telah mengakibatkan seorang terbunuh. Demi menegakkan keadilan, pekerja-pekerja pos telah mengancam untuk mengambil tindakan tetapi ancaman sedemikian telah berjaya dielakkan berikutan daripada jaminan-jaminan yang diberi oleh Kerajaan kita ke atas keselamatan mereka.

Cadangan supaya servis keselamatan di beberapa buah pejabat pos telah dikemukakan. Begitu juga dengan jaminan-jaminan untuk meningkatkan kawalan polis di pejabat-pejabat pos. Di sini saya ingin tahu dengan lebih lanjut lagi mengenai bentuk-bentuk langkah keselamatan wajar lainnya yang telah diambil demi menjaga keselamatan pekerja-pekerja pos kita dari tindakan-tindakan ganas.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun-tahun kebelakang ini sebilangan besar bangunan-bangunan kediaman dan perdagangan yang telah dibina di beberapa buah bandar dan pinggir kota, saya percaya beberapa buah pejabat pos dan pusat-pusat yang menyediakan servis pos juga telah dibina ataupun ditubuhkan. Barangkali Menteri berkenaan boleh memberitahu Dewan ini tentang jumlah besar pejabat pos dan pusat-pusat pos yang kita ada di negara ini. Saya juga ingin tahu sama ada kita mempunyai satu prinsip nisbah yang boleh menunjukkan nisbah sebuah pejabat pos kepada jumlah penduduk atau kawasan. Sekiranya prinsip ini telah pun wujud bolehkah saya tahu

berapa banyak jumlah pejabat-pejabat pos atau pusat-pusat pos yang akan dibina atau ditubuhkan dengan tahun-tahun akan datang supaya dapat dipastikan sama ada sistem perkhidmatan pos negara kita efisien . . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat, sila duduk sebentar. Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk panduan Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya membaca satu petikan daripada Erskine May yang biasanya dipakai sebagai panduan dalam perjalanan dewan-dewan perwakilan rakyat seperti kita ini. Dengan izin Ahli-ahli Yang Berhormat, saya baca:

“Rules governing the contents of speeches—relevancy in debate—

A member when called to speak must direct his speech to the question then under discussion or to a motion or amendment he intends to move or to a point of order.

The precise relevancy of an argument is not always perceptible. When, however, a member wanders from the question, the Speaker reminds him that he must speak to the question. Debate must not stray from the question before the House to matters which have been decided during the current session or anticipate a matter appointed for the consideration of the House or of which notice has been given.”

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya membacakan petikan tersebut semata-mata untuk panduan demi kelincinan perjalanan perbahasan kita. Yang Berhormat Ahli dari Padang Serai, sila teruskan.

**Tuan Tan Kok Hooi:** Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya penubuhan tabung pos seperti yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini dapat membantu menjamin tingkat keberkesanan dalam perkhidmatan pos.

Saya percaya langkah ini adalah sesuai bagi Jabatan Perkhidmatan Pos kita untuk merancang strategi-strategi dan saya juga berharap supaya penubuhan Tabung Pos ini akan memenuhi harapan kita untuk menikmati satu sistem perkhidmatan yang lebih baik dan memuaskan dari apa yang kita dapati sekarang.

Dengan ini, saya ingin menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Setapak.

*4.50 ptg.*

**Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri (Setapak):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong Akta Pejabat Pos (Pindaan) 1984 setelah mendengar huraian yang disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan bagi satu langkah yang begitu bijak iaitu untuk mengadakan satu sistem perakaunan perdagangan dan dengan tujuan itu bagi membolehkan Perkhidmatan Pos memperbaiki dan memperbaiki perjalanan perkhidmatan pejabat pos di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita sama maklum bahawa perkhidmatan pos adalah satu perkhidmatan yang telah berlangsung yang telah berjalan di dalam negara kita kian lamanya di dalam zaman penjajah hinggalah ke hari ini. Malangnya kita dapati bahawa hanya pada hari ini kita telah mendapat di dalam Dewan yang mulia ini satu Akta yang bernama Akta Pindaan Pejabat Pos 1984 bagi membolehkan jabatan ini menjalankan mencari wang dan juga dengan niat dan tujuan memperkembangkan perkhidmatan pos itu sendiri.

Saya menyokong penuh Akta ini kerana baru-baru ini satu sistem yang dikenali dengan 'Sistem Pembayaran Bil Setempat' telah diperkenalkan

yang mana tidak kurang daripada 30 agensi-agensi Kerajaan menggunakan perkhidmatan pos. Ini termasuklah Amanah Saham Nasional, Tabung Haji, api, air, telekom, quit rent dan juga beberapa lagi agensi. Dan kita juga tahu bahawa kurang lebih jumlah pejabat pos yang ada di dalam negara kita sebanyak 520. Tetapi malangnya hanya 70 ataupun lebih kurang 80 mesin-mesin atau jentera yang digunakan telah dihantar kepada pejabat-pejabat pos yang berkenaan. Dengan demikian sudah barang tentu kakitangan pejabat pos tidak dapat menjalankan tugas dengan baik kerana mesin-mesin ini tidak dihantar ke pejabat-pejabat pos yang berkenaan. Sudah barang tentu kita dengar rungutan daripada orang ramai soal kecekapan, soal pentadbiran dan sebagainya yang seharusnya dapat dijalankan.

Di samping itu kita juga tahu dengan bertambahnya perkhidmatan pos ini, kakitangan tenaga pekerja tidak disampaikan ke pejabat-pejabat pos ini. Dengan erti kata yang lain bahawa seorang pekerja pos terpaksa membuat kerja yang melipatganda untuk berseimbang dengan apa yang telah diperkenalkan baru-baru ini iaitu 'Sistem Pembayaran Bil Setempat'.

Selain daripada itu kita tahu perkhidmatan pos ini adalah satu perkhidmatan yang cemerlang yang mana dapat kita hubungkan penduduk-penduduk di luar bandar dengan di dalam bandar melalui mobil pos yang ada dan juga van-van dan juga motosikal-motosikal yang digunakan oleh pejabat-pejabat pos kita. Kita juga tahu bahawa kenderaan yang digunakan oleh pejabat pos ini ada di antaranya agak sudah begitu lama digunakan. Sudah jatuh di antara yang dipanggil, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, 'beyond economic repair' atau B.E.R. Tetapi oleh kerana keadaan negara kita sedemikian rupa, kenderaan ini terpaksa juga digunakan. Dan kita juga tahu bahawa

mobile post ini kita gunakan van. Tidak ada sebarang van yang disediakan sebagai van gantian andaikata berlaku sebarang kerosakan kepada mobile-mobile pos ini. Dan kita juga tahu bahawa lebih maju sesebuah negara itu maka sudah barang tentu lebih banyak perkhidmatan pos ini dikehendaki. Hingga ke pelusuk-pelusuk tanahair, ke pendalaman-pendalaman, perkhidmatan pos ini diperlukan.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini mencadangkan agar wakil-wakil pos yang ada ditambah. Bukan sahaja di tambah, malahan harus diupgradakan wakil-wakil pos ini supaya mereka bukan hanya menjual setem, menjual envelope tetapi dapat menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang ada hubungannya dengan pos.

Kita juga tahu pengalaman yang pahit yang dialami oleh seorang Ketua Pos baru-baru ini di Bachok iaitu seorang Ketua Pos telah ditembak mati. Saya sangat sedih dan bersetuju dengan rakan-rakan saya yang lepas yang baru juga sampaikan ucapan mereka bahawa satu tabung khas harus ditubuhkan bagi kepentingan kabajikan pekerja-pekerja pejabat pos ini yang sebilangannya tidak kurang daripada 13,000 orang. Seharusnya pejabat pos memikirkan supaya ditubuhkan satu tabung demi kepentingan kabajikan pekerja-pekerja mereka sendiri. Kita tidak mahu dengar seorang yang berkhidmat demi kepentingan negara dan di dalam menjalankan tugasnya ditembak atau cedera tidak mendapat sebarang pampasan selain daripada pampasan biasa mengikut perkhidmatan mereka masing-masing. 13,000 anggota pejabat pos adalah satu angka yang paling besar dan oleh kerana 13,000 ini boleh digembelangkan tenaga mereka supaya mereka berasa bangga berkhidmat dengan pejabat pos maka

saya lagi sekali mencadangkan satu tabung kebajikan khas untuk pekerja haruslah ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang elaun yang dibayar oleh pejabat pos kepada pekerja-pekerjanya. Saya sebentar tadi telah menerangkan bahawa tambahan kerja yang berlipatganda kepada tenaga atau pekerja pos ini. Tetapi elaunnya tidak bertambah sejak saya dahulu menjadi seorang kerani pejabat pos pada tahun 1957 hingga sekarang elaunnya masih di dalam anggaran \$50.00 ke \$100.00. Maksud saya elaun, Tuan Yang di-Pertua, ada dua jenis elaun. Satu dipanggil elaun gerakan atau 'operational allowance' dan yang lagi satu ialah 'in charge allowance' yang mana ketua-ketua pos diberi tambahan bagi menjalankan tugas hariannya. Oleh kerana kita sudah membincangkan Akta Pindaan ini 1984 maka sewajarnya elaun-elaun ini juga ditambah. Sepertimana yang kita ketahui kita juga harus menambah seimbang dengan tugas yang dijalankan oleh kerani-kerani pos atau pekerja-pekerja daripada pejabat pos ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada lagi satu dua perkara yang hendak saya sentuh iaitu berkaitan dengan U.P.U. akta dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, 'Universal Postal Union' yang mana negara kita adalah menjadi ahli kepada U.P.U. ini dan setiap lima tahun ia mempunyai mesyuarat agungnya dan setiap tahun mempunyai mesyuarat di peringkat E.C. atau 'executive committee'. Sudah barang tentu setiap negara menjalankan tugas berjumpa, bermesyuarat dengan negara-negara lain supaya negara yang berkenaan kalau ada pegawai atau wakil daripada negara yang berkenaan menjadi sama ada Setiausaha Agung atau sebagainya. Jadi, negara kita menjadi ahli kepada U.P.U.

Dan Ketua Pengarah Pos juga cuba berangan-angan untuk menjadi Secretary-General iaitu dengan harapan supaya . . . . .

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Benarkah hal itu Yang Berhormat, Ketua Pengarah Pos berangan-angan hendak menjadi Presiden, benarkah itu?

**Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri:** Saya kurang dengar tadi, tolong ulangkan?

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Tak apalah, Yang Berhormat boleh teruskan.

**Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri:** Maksud saya siapa juga, bukan sahaja Ketua Pengarah Pos yang ada sekarang, tetapi siapa juga yang mewakili pos negara kita adalah wakil Malaysia. Jadi, sudah barang tentu perbelanjaan untuk lobi-melobi mendapatkan sesuatu jawatan dalam U.P.U. ini adalah perbelanjaan negara kita, yang datangnya daripada rakyat jelata iaitu apabila beliau ini gagal untuk mendapatkan sokongan daripada negara-negara yang lain, khasnya daripada negara-negara Arab maka sudah barang tentu jawatan itu tidak beliau dapat dan jatuh kepada negara lain.

Di bawah U.P.U. ini juga, Tuan Yang di-Pertua, untuk kepentingan kita bersama, ada lagi satu badan yang dipanggil C.C.P.S. (Consultative Committee of Postal Studies) yang mana fungsinya ialah untuk berbincang, bermesyuarat, bertukar-tukar fikiran dan untuk mengemukakan idea-idea baru bagi kepentingan perkhidmatan pos. Oleh kerana kekalahan sebagai Setiausaha Agong U.P.U. ini, hari ini negara kita tidak diwakili di dalam C.C.P.S.

Malangnya, apabila tidak ada wakil di dalam C.C.P.S. sudah barang tentu negara kita, khasnya dengan Akta yang sedang kita bincangkan nanti bahawa kita tidak dapat mengikuti masa dan zaman dengan idea-idea yang baru untuk perkhidmatan pos demi kepentingan orang ramai di dalam negara kita. Oleh yang demikian, ada pula satu usaha untuk mengadakan satu diploma untuk postal management di USM. Maka dijemput oleh negara kita seorang pakar daripada Madras, India, sebulan lebih duduk di Malaysia, duduk di Kuala Lumpur, duduk di Pulau Pinang dengan perbelanjaan Kerajaan untuk menggubal atau membuat satu kertas kerja bagi menjalankan diploma ini untuk pekerja-pekerja pejabat pos. Hasilnya tidak ada, Tuan Yang di-Pertua, maka sebab itu saya sentuh di sini. Kerana seharusnya pejabat pos mengadakan satu unit perancangan dan penyelidikan agar pejabat pos ini dapat berjalan dengan lebih licin lagi, dengan teratur dan lebih systematic, menjemput seorang pakar dan akhirnya wang, tenaga dan masa Kerajaan habis begitu sahaja, tidak langsung memberi manfaat kepada pejabat pos itu sendiri. Oleh yang demikian, satu unit khas ini seharusnya dibentuk di dalam pejabat pos bagi merancang dan juga menyelidik perkara-perkara yang berkaitan dengan pos.

Perancangan yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, iaitu apabila sebuah pejabat pos hendak ditubuhkan, hendak didirikan di dalam sesuatu kawasan, bukan sahaja harus dirancangkan kos membina pejabat pos itu tetapi juga harus dirancangkan tenaga iaitu pekerja-pekerja yang akan kita sampaikan atau beri kepada pejabat pos itu. Mesin-mesin yang telah saya sebutkan tadi harus juga sampai ke pejabat pos itu kerana kita tidak boleh berbangga dengan mengatakan bahawa sebuah pejabat pos sudah didirikan demi kepentingan

40,000 penduduk Kampung Bahru, Kuala Lumpur di jalan Tuanku Abdul Rahman misalnya tetapi apa yang kita dapati di dalam pejabat pos itu segala-galanya berkurangan dan oleh yang demikian, kita mendengar sungutan-sungutan orang ramai seolah-olah pejabat pos tidak menjalankan tugasnya dengan baik. Manakala kita sama-sama akui bahawa pejabat pos memang telah dan akan menjalankan khidmat yang begini baik, yang cemerlang demi kepentingan rakyat seluruhnya.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya dengan lulusnya Akta Pejabat Pos (Pindaan) 1984 ini, pejabat pos haruslah berhati-hati apabila menjalankan sesuatu temuduga bagi kenaikan pangkat pegawai-pegawainya kerana ini juga rungutan disampaikan kerana ada di antara mereka yang begitu senior, yang begitu lama bertugas, berkhidmat di dalam pejabat pos apabila sampai kenaikan pangkat, mereka ini diketepikan oleh kerana ada petualang di dalamnya yang kononnya ada blue eyes boynya dan ada yang red eyes boynya, jadi yang red ini tidak dapat yang blue ini dapat. Oleh yang demikian, saya percaya dengan adanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos yang ada di hadapan saya ini, perkara-perkara yang disentuh tadi akan dapat perhatian yang serius dan saya dengan penuh rela hati menyokong Akta (Pindaan) Pejabat Pos 1984.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Jerantut.

5.03 ptg.

**Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad (Jerantut):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut membahaskan Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Pejabat Pos 1984. Saya menyokong penuh Rang Undang-undang yang

telah dibawa sebentar tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Saya mengalu-alukan langkah Kerajaan di dalam hal ini, kerana ia akan melibatkan pertambahan kecekapan perkhidmatan kepada orang ramai. Pada bulan Oktober, 1983, Akta Pejabat Pos juga telah dipinda bagi membolehkan Jabatan Pos memperkenalkan satu perkhidmatan baru yang dipanggil perkhidmatan 'Telepost'. Dan dengan pindaan yang baru dibentang dan dibahaskan sekarang ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan khususnya jabatan yang berkenaan bagi membaiki serta meningkatkan mutu perkhidmatannya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan pada kali ini seperti yang dinyatakan akan melibatkan satu perubahan besar kepada sistem perakaunan dari sistem yang ada sekarang ini kepada Sistem Perakaunan Perniagaan. Bagi saya ini adalah sangat tepat kerana kebanyakan dari urusan jabatan ini melibatkan ataupun bercorak perniagaan, seperti:

- (1) Penjualan Setem.
- (2) Kiriman Wang Pos.
- (3) Pengangkutan Mel.
- (4) Penyelenggaraan Mel; dan
- (5) Perkhidmatan Telepost.

Seperti yang dinyatakan faedah yang akan dapat, yang besarnya oleh pelaksanaan sistem yang baru ini ialah tiga:

- (i) Sistem Perakaunan Perniagaan akan mendorong pengurusan Jabatan menjadi lebih cekap kerana perbelanjaan seboleh-bolehnya dibuat daripada hasil yang diperolehi.
- (ii) Jabatan Perkhidmatan Pos akan menikmati lebih banyak autonomi dalam urusan kewangan.

Jadi, dua perkara yang menjadi faedah yang besar akan dapati oleh jabatan ini adalah amat benar kalau kita melihat beberapa perangkaan daripada Anggaran Belanjaan jabatan ini. Dengan pindaan ini diperuntukkan penubuhan satu kumpulan wang yang dinamakan 'Kumpulan Wang Pos', yang akan dikawal oleh Ketua Pengarah Pos. Dengan penubuhan Kumpulan Wang Pos segala hasil yang diterima oleh jabatan akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang ini dan segala perbelanjaan jabatan akan dibuat daripada Kumpulan Wang ini juga.

Jabatan Pos adalah satu Jabatan yang telah mengumpulkan hasil yang banyak. Ini dapat dilihat daripada perangkaan anggaran hasil Jabatan ini seperti berikut:

	<i>Tahun 1982</i>
Hasil Bukan Cukai . .	\$125,053,000
Penerimaan Bukan Cukai	\$ 14,706,000
	<hr/>
	\$139,759,000

Manakala anggaran tahun 1983, saya bacakan jumlahnya sahaja ialah \$154,349,000. Dari tahun ke tahun hasil Jabatan ini akan bertambah. Ini sudah tentu akan menjadikan Kumpulan Wang Pos sebagai satu Kumpulan Wang yang besar. Dengan hasil yang sebegini banyak, sudah tentu Jabatan ini mampu menampung perbelanjaan Jabatan dan boleh berdikari.

Ini lebih dapat dijelaskan dengan membandingkan anggaran peruntukan perbelanjaan Jabatan Pos. Perbelanjaan pada tahun 1982 jumlahnya ialah sebanyak \$132,877,500. Pada tahun 1983 berjumlah sebanyak \$118,835,000 iaitu perbelanjaan meliputi aktiviti Perkhidmatan Mel, Perkhidmatan Kiriman Wang dan Agensi, Perkhidmatan Am dan Perkhidmatan Bantuan.

Jika kita bandingkan di antara hasil dan perbelanjaan, maka kita akan dapati hasil Jabatan yang dikutip mampu menampung perbelanjaannya iaitu terdapat kelebihan. Misalnya, tahun 1982 seperti saya nyatakan tadi, hasil berjumlah \$139,759,000; perbelanjaan \$132,877,500—kelebihan \$6.8 juta. Tahun 1983 hasil \$154.3 juta; perbelanjaan \$118.8 juta—kelebihan yang dianggarkan \$35.5 juta.

Oleh itu matlamat Jabatan ini untuk mencapai faedah yang kedua iaitu menikmati lebih banyak otonomi dalam urusan kewangan akan tercapai. Dengan peruntukan dalam Rang Undang-undang pindaan ini juga akan menyebabkan Perbendaharaan tidak lagi bertanggungjawab bagi menyediakan peruntukan bagi Jabatan ini. Tetapi saya suka mengingatkan Jabatan ini bahawa otonomi dalam urusan kewangan juga bermakna bahawa Jabatan ini haruslah berhati-hati dan cermat dalam soal pengurusan hasil dan perbelanjaan.

Kalau dalam keadaan sebelum pindaan ini, seperti perangkaan yang saya sebutkan tadi, membuktikan Jabatan Perkhidmatan Pos boleh berdikari, maka dengan menikmati lebih banyak otonomi dalam urusan kewangan, Jabatan ini haruslah menjadi lebih cekap menguruskan hasil dan perbelanjaannya. Kita tidak mahu mendengar, selepas daripada ini Jabatan Pos akan mengalami kekurangan peruntukan, sehingga tidak dapat menjalankan urusannya seperti sekarang, yang sepatutnya ia menjadi lebih baik dengan adanya pindaan seperti yang dibahaskan.

Tuan Yang di-Pertua, setiap perubahan yang baik, haruslah mendatangkan manfaat yang baik. Kita tidak mengadakan satu-satu perubahan dengan kerana hanya hendak mengadakan perubahan itu.

Jadikanlah peruntukan pindaan ini sebagai satu titik tolak kepada wujudnya satu perkhidmatan yang cemerlang, cekap dan lebih baik bagi Jabatan Pos.

Perkhidmatan Jabatan Pos adalah satu perkhidmatan yang bercorak monopoli oleh Kerajaan. Jadi pengharapan rakyat adalah sangat besar kepada Jabatan ini untuk memberikan perkhidmatan yang lebih cekap, licin dan berkesan.

Saya ucapkan tahniah kepada Jabatan walaupun berbagai-bagai masalah seperti yang rakan-rakan saya timbulkan tadi, ianya merupakan satu Jabatan yang telah menunjukkan prestasi yang baik dalam perkhidmatannya. Secara ringkas, saya boleh buktikan di sini, misalnya prestasi Jabatan ini meningkat dari masa ke semasa. Misalnya dalam segi menguruskan bilangan benda-benda pos, tahun 1981 berjumlah 1.7 billion; tahun 1982 meningkat kepada 1.9 billion dan banyak lagi boleh dibacakan aktivitinya, tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kita tidak mempunyai masa yang cukup.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Bukan main dia punya reserah!

**Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya membuat reserah ini bagi mengelakkan daripada apa yang dikatakan oleh parti Pembangkang kita ini jangan hanya membahaskan dan menjadi 'rubber-stamp' sahaja. Jadi saya terpaksa berjaga malam untuk hendak membuat research yang berkaitan (*Tepuk*).

Seperka lagi, Tuan Yang di-Pertua, pada 10hb Oktober, 1983 Jabatan Pos telah berpindah ke bangunan baru iaitu ibu pejabatnya yang mana menurutnya adalah merupakan satu Pejabat Pos yang termoden dan terbesar di kawasan Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, seperti yang saya katakan, prestasinya

meningkat dari masa ke semasa, ada Pejabat Pos ataupun ibu pejabat yang baru, tetapi pada keseluruhannya perkhidmatan di luar bandar masih banyak yang perlu dibaiki dan banyak ruang lagi yang saya fikir Kementerian ataupun Jabatan ini patut mengambil ikhtiar untuk memperbaikinya.

Misalnya, pejabat pos yang kecil dengan bilangan kakitangan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak, rakan saya tadi; kekurangan Wakil-wakil Pos di kampung-kampung; di kawasan pendalaman surat menyurat lambat sampai dan kadang-kadang terus tidak sampai kepada penerima dan berbagai-bagai lagi seperti yang rakan-rakan saya telah sebutkan tadi, saya tidak ingin untuk mengulanginya.

Oleh itu saya ingin mencadangkan di sini beberapa perkara, sempena Rang Undang-undang (Pindaan) ini. Yang pertama, mengubah institusi ataupun nama Jabatan Perkhidmatan Pos dari namanya sekarang iaitu Jabatan Perkhidmatan Pos kepada Perbadanan Pos Nasional. Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, dengan nama yang saya cadangkan iaitu Perbadanan Pos Nasional ini, ia lebih menggambarkan peruntukan pindaan dalam Rang Undang-undang ini yang mana sistem perakaunan cara perniagaan dan juga ia menikmati otonomi dari segi pengurusan kewangannya. Jadi dengan nama Perbadanan Pos Nasional ini, ia akan dapat lebih meninggikan imej namanya dan seterusnya menjalankan segala program-program seperti yang telah ditetapkan.

Yang kedua, mengutamakan perkhidmatan kepada pelanggan dengan pedekatan perniagaan seperti mewujudkan:

- (a) 'Kedai Pos' yang sama konsepnya dengan 'Kedai Telekom' seperti yang telah dilaksanakan oleh Jabatan

Telekom. 'Kedai Telekom' ini saya suka mengucapkan tahniah juga kerana 'Kedai Telekom' yang baru dibuat ini mengutamakan perkhidmatan. Kita masuk ke dalam 'Kedai Telekom' ada kaunter-kaunter yang berkaitan, kalau kita inginkan perkhidmatan, berbagai-bagai perkhidmatan mereka telah menyediakan. Jadi saya cadangkan di sini, diwujudkan 'Kedai Pos' sama konsepnya dengan 'Kedai Telekom'.

- (b) 'Kedai Pos' dibina di tempat-tempat tumpuan orang ramai, seperti di kompleks-kompleks perniagaan, kompleks belibelah, kompleks Pejabat-pejabat Kerajaan dan juga di kawasan-kawasan perumahan. Jadi 'Kedai Pos' ini tidak semestinya besar; kecil pun tidak mengapa asalkan boleh memberi kemudahan kepada orang ramai.
- (c) Mengadakan kemudahan penjualan setem di tempat-tempat tumpuan orang ramai dengan cara boleh meletakkan duit syiling (coin box) seperti telefon. Perkara ini telah dijalankan di banyak negara-negara yang telah maju. Misalnya, kita tidak lagi bersusah payah untuk pergi ke Pejabat Pos, kalau di tepi jalan, di kompleks-kompleks perniagaan itu ada 'coin box', isi duit kita boleh dapat setem. Jadi saya cadangkan ini adalah penting untuk kemudahan kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga pemodenan kepada bangunan-bangunan ataupun memodenkan bangunan-bangunan Pejabat-pejabat Pos di luar bandar. Ini penting kerana setengahnya ada lagi di zaman

penjajah. Saya beri misalan yang khas, yang saya tahu walaupun daerah Jerantut, kawasan saya, telah berkembang dengan majunya tetapi Pejabat Posnya masih lagi Pejabat Pos lama. Jadi ini khas sedikit, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengambil perhatian kepada Pejabat Pos di tempat saya ini iaitu terletaknya di Jerantut supaya dibina baru.

Keempat, mempercepatkan rancangan pembinaan Pejabat Pos Kecil di luar-luar bandar seperti yang pernah diumumkan oleh Timbalan Menteri yang dahulu di dalam Dewan ini.

Akhir sekali, saya sekali lagi dalam tergesa-gesa menyampaikan ucapan saya ini kerana masa telah suntuk, mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang telah mengemukakan Rang Undang-undang (Pindaan) ini dan diharap setelah dilaksanakan perkara ini, perkara-perkara perkhidmatan kepada orang ramai ini akan dapat diberikan dengan lebih cekap lagi.

Sekian, saya menyokong Rang Undang-undang (Pindaan).

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Lubuk Antu.

5.21 ptg.

**Tuan Andrew Janggi Muiyang (Lubuk Antu):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bersama-sama Ahli-ahli Dewan yang lain menyokong dan membahaskan Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) 1984 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos sebentar tadi.

Ada dua perkara yang penting yang menarik perhatian saya dalam Rang Undang-undang ini iaitu berhubung dengan penubuhan satu kumpulanwang yang dipanggil Kumpulan Wang Pos dan berikutan

dengan itu penubuhan satu sistem perakaunan secara commercial bagi menggantikan sistem perakaunan yang biasa dipakai oleh jabatan-jabatan Kerajaan selama ini iaitu sebagaimana diperuntukkan dalam Bahagian IIA Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah-langkah ini dan berpendapat bahawa penubuhan Kumpulanwang Pos dan Sistem Perakaunan secara commercial bagi memenuhi dan mengurus pentadbiran kewangan di Jabatan Pos di negara ini akan diperkemas, dilicin dan diberkesankan lagi urusan-urusan kewangan jabatan tersebut. Langkah ini baik kerana kita memang sentiasa mengharapkan jabatan-jabatan Kerajaan supaya dapat mentadbir dan menguruskan hal-hal kewangan mereka dengan lebih cekap, kemas dan berkesan bagi mengelak masalah-masalah dan juga akauntabiliti yang tidak memuaskan.

Dengan langkah ini saya berharap akaun Jabatan Pos dapat disiapkan setiap tahun dengan tidak tergendala dan memberikan imej yang baik kepada jabatan tersebut. Saya juga berharap dengan pentadbiran dan kawalan kewangan yang lebih baik, Jabatan Pos akan dapat mencapai keuntungan yang lebih baik lagi hasil dari operasinya. Kita memang tidak suka melihat agensi-agensi Kerajaan yang rugi di dalam operasi mereka kerana kurangnya pentadbiran pengurusan dan kawalan kewangan yang baik dan berkesan,

Saya juga berharap dengan langkah ini Jabatan Pos tidak lagi bergantung sangat kepada punca kewangan dari Kerajaan memandangkan keadaan kewangan negara sejak kebelakangan ini adalah kurang baik. Pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Pos hendaklah menerima pembaharuan yang dibawa melalui Rang Undang-undang ini sebagai satu challenge dan

memperlengkapkan diri mereka untuk melaksanakannya dengan baik, licin dan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penubuhan Kumpulan Wang Pos ini, saya berharap akan dapatlah pihak Jabatan Pos merancang penggunaan hasil kewangannya dengan lebih flexible lagi bagi tujuan untuk perkhidmatan dan projek-projek pembangunannya. Ini disebabkan perancangan dan penggunaan kewangannya akan dapat ditentukan dan dikawal oleh Kementerian sendiri sebagaimana diperuntukkan dalam fasal IIE (1). Berhubung dengan ini saya membangkitkan beberapa perkara yang bersangkutan dengan masalah dan keperluan-keperluan perkhidmatan pos di kawasan pilihanraya saya khasnya dan yang juga mungkin sama di tempat-tempat lain umumnya:

- (1) Saya harap Kumpulan Wang Pos ini patutlah digunakan untuk memperbaiki dan dipertingkatkan lagi bangunan-bangunan pos mana-mana yang masih belum memuaskan. Pejabat Pos patutlah mempunyai bangunan-bangunannya sendiri di mana sesuai, sekalipun dalam bentuk pondok pos. Janganlah oleh kerana tiada bangunan sesuai yang boleh disewa, Pejabat Pos diadakan di bahagian dapur pejabat lain, sebagaimana Pejabat Pos Daerah Engkelili, Sarawak, di kawasan saya. Ini memberi imej yang tidak baik kepada jabatan ini sendiri dan juga tidak dapat memberi khidmat yang selesa kepada orang ramai.
- (2) Kemudahan perkhidmatan pos bergerak hendaklah ditingkatkan dan diperluaskan terutamanya ke kawasan-kawasan pendalaman yang sekarang tidak ada langsung

perkhidmatan tersebut terutama di Sarawak. Dalam kawasan saya, terdapat banyak kawasan-kawasan pendalaman yang langsung tidak ada perkhidmatan pos kerana tiada jalan. Saya harap bot-bot boleh digunakan untuk memberikan perkhidmatan ini.

Saya mencadangkan supaya penghantaran surat-surat ke kawasan-kawasan pendalaman dapat dipercepatkan lagi. Pada masa ini terdapat banyak tempat yang mengambil masa hampir sebulan baru surat-surat disampaikan. Ini tentulah menyulitkan orang ramai.

(3) Saya juga mencadangkan supaya kakitangan Pejabat Pos ditambah di tempat-tempat tertentu yang tidak mempunyai cukup kakitangan untuk meningkatkan perkhidmatan, menjamin penghantaran surat-surat dan lain-lain lebih cepat dan juga mengurangkan beban dan masalah kakitangan Pejabat Pos sendiri.

(4) Saya fikir kenderaan-kenderaan Pejabat Pos perlulah ditambah, diadakan terutama di kawasan-kawasan tertentu. Saya mendapati pada masa ini setengah-setengah posmen masih lagi tidak dibekalkan dengan kenderaan sama ada motosikal ataupun basikal dan mereka berjalan kaki dengan memikul beg-beg pos untuk menghantar surat-surat dan kiriman-kiriman pos. Ini terdapat di Sarawak terutama di kawasan saya sendiri. Cara ini adalah out-of-date dan sama sekali tidak patut berlaku di negara kita yang sudah maju. Dan saya minta keadaan ini dihapuskan dengan segera.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah pihak Kementerian

mengkaji masalah-masalah, keperluan-keperluan, kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan pos di negeri Sarawak keseluruhannya yang pada pandangan saya masih belum memuaskan oleh kerana perhubungan jalan di Sarawak masih belum memuaskan. Perhubungan melalui pos adalah sangat penting di sana dan oleh kerana itu adalah patut diperbaiki dan diperluaskan lagi. Saya yakin ini mendapat perhatian dan boleh diatasi oleh pihak yang berkenaan. Sekian, saya sokong Rang Undang-undang ini.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Kinta.

5.32 ptg.

**Tuan Lim Liang Seng (Kinta):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan suatu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947.

Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri tadi ialah bertujuan untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947 dengan memasukkan Bahagian IIA baru bagi tujuan untuk menubuhkan satu Kumpulan Wang Pos dan juga memperuntukkan Sistem Perakaunan Perdagangan yang akan diterima pakai oleh Jabatan Pos.

Saya mengalu-alukan pembentangan Rang Undang-undang ini oleh Kerajaan. Saya tidak tahu sama ada Rang Undang-undang ini telah dikemukakan atas hasil syor-syor yang telah dibuat oleh Ketua Odit Negara dan juga syor-syor yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang mana saya adalah menjadi seorang anggota. Sepanjang pengetahuan saya adalah menjadi dasar pihak Kerajaan untuk mengadakan sistem perakaunan perdagangan setakat mana yang boleh dalam jabatan-jabatan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan di mana sistem-sistem

itu adalah sesuai untuk digunakan. Telah diperhatikan sistem-sistem perakaunan yang telah diadakan dan telah diamalkan sekarang tidak mencukupi untuk memenuhi matlamat-matlamat yang telah ditentukan.

Mengikut pengetahuan saya sistem perakaunan bagi jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan sekarang masih kebanyakannya tertumpu kepada compliance accounting dan kekurangan performance accounting. Jadi, perkara-perkara ini telah banyak dibincangkan pada sidang-sidang atau mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

Walaupun bagaimanapun, saya mengalu-alukan Kerajaan kerana mengemukakan Rang Undang-undang ini untuk memperkenalkan suatu Sistem Perakaunan Perdagangan digunakan dalam Jabatan Pos.

Dengan adanya Sistem Perakaunan Perdagangan ini, ini bererti aset-aset dalam Pejabat Pos atau dalam Jabatan ini dapatlah direkod dengan betul dan mengikut nilainya dan mengikut susutan nilainya dari setahun ke setahun. Bagi kebanyakan Jabatan inilah perkara yang kekurangan dan ketiadaan wujud dengan sistem perakaunan yang dipraktikkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak percaya walaupun saya harap, sungguh-sungguh harap dengan adanya penubuhan satu Kumpulan Wang Pos kecekapan dan prestasi perkhidmatan pos akan ditingkatkan dengan begitu banyak sekali. Saya berpendapat untuk mencapai prestasi yang baik dalam perkhidmatan Pejabat Pos, perlulah ditingkatkan kesedaran di kalangan kakitangan-kakitangan Pejabat Pos tentang peranan, fungsi dan peri mustahaknya Perkhidmatan Pos dalam masyarakat dan negara kita. Jadi saya suka sentuh sedikit mengenai Perkhidmatan Pejabat Pos sebagai satu rangkaian perhubungan.

Tuan Yang di-Pertua, pejabat pos adalah satu rangkaian perhubungan (communication network) yang penting di dalam negara ini, selain daripada media perhubungan elektronik dan siaran akhbar. Ia memainkan satu peranan yang penting bagi penukaran maklumat di antara ahli-ahli perniagaan di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai institusi-institusi kewangan seperti bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan. Fungsi pejabat pos meliputi penerimaan wang simpanan serta membantu orang ramai dalam perkhidmatan pemindahan wang. Oleh yang demikian, pejabat pos memainkan satu peranan yang penting bagi menentukan kegiatan-kegiatan ekonomi yang aktif khususnya di dalam kawasan-kawasan pendalaman yang mempunyai pejabat-pejabat pos untuk menjalankan perniagaan mereka. Memandangkan kepada hakikat ini pihak-pihak pos perlu menentukan satu mutu kecekapan yang tinggi. Dalam pada itu sistem perkhidmatan pos perlu dikaji dari semasa ke semasa supaya dapat memperbaiki kelemahan-kelemahan serta memperkukuhkan kebaikan perkhidmatannya.

Tuan Yang di-Pertua, masa di mana posmen-posmen kita mengedarkan surat-surat, bungkusan (parcel) secara berjalan kaki sudah memang menjadi sejarah. Dengan kemajuan yang dicapai posmen-posmen kita telah pun maju daripada peringkat itu sehingga mereka menggunakan basikal atau motosikal dalam menjalankan tugas mereka.

Saya suka menyebut satu kes dan kita sama-sama bangga mengetahui bahawa baru-baru ini seorang posmen sungguhpun tercedera dalam satu kemalangan masih berpegang teguh kepada keazamannya untuk berkhidmat dan terus menentukan keselamatan surat-surat di bawah jagaannya. Semangat dan prestasi

bertanggungjawab seperti ini harus dipuji. Ini menunjukkan bahawa beliau mempunyai disiplin semasa menjalankan tugas dan fungsinya. Tauladan ini menunjukkan bahawa mereka yang berkhidmat dalam perkhidmatan ini perlu menunjukkan satu taraf disiplin dan kecekapan yang tinggi. Sebagai penjaga surat-surat dan lain-lain bahan-bahan pos, tanggungjawab ini perlu ditekankan pada setiap masa supaya memperkukuhkan lagi keyakinan orang ramai terhadap perkhidmatan pos.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi perkhidmatan pos merupakan satu unsur penting dalam sistem komunikasi dalam negara kita dan keyakinan terhadap perkhidmatan pos adalah sangat penting. Dalam aspek ini pihak pos perlu sentiasa berikhtiar supaya meningkatkan kecekapan perkhidmatan pos dan mengambil langkah-langkah supaya mengelak daripada kelewatan pengedaran mail. Kita perlu memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini seperti saya katakan tadi tujuan utamanya untuk menubuhkan satu kumpulanwang pos. Saya percaya dan berpendapat penubuhan kumpulanwang pos ini adalah satu contoh, satu langkah yang baik, ianya membolehkan Jabatan Pos merancang kegiatan-kegiatan ataupun strategi-strategi koperetnya untuk menentukan prestasi yang tinggi supaya mencapai matlamat-matlamat pejabat pos dan sistem perakaunan yang diperkenalkan akan membolehkan pihak berkuasa untuk menentukan dan mengesan kelemahan-kelemahan dan di mana kelemahan-kelemahan berlaku. Ianya adalah satu ukuran (measure) yang baik ke atas tingkat prestasi perkhidmatan-perkhidmatannya.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun matlamat Yayasan Pos begitu jelas, akan tetapi hasil dan kebaikannya adalah lebih besar lagi. Ianya adalah satu kaedah di mana pihak Kerajaan dapat menentukan perkhidmatan yang lebih baik melalui prestasi yang lebih tinggi. Memandangkan kepada kedudukan kewangan dan ekonomi negara kita perlu mengemaskinikan perkhidmatan-perkhidmatan sosial seperti perkhidmatan pos supaya meningkatkan prestasi dan menjimatkan perbelanjaan. Dengan cara ini kita akan dapat mengurangkan jurang perbezaan dan secara tidak langsung perkhidmatan pos dapat membantu Kerajaan dari segi hasil.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun penubuhan Yayasan Pos adalah satu perkembangan yang baik, kita perlu menentukan bahawa prosedur-prosedur yang tertentu perlu diadakan dalam urusan kumpulanwang pos.

Saya tidak bermaksud untuk meragukan bahawa kumpulanwang ini tidak akan diuruskan dengan secara baik, akan tetapi adalah penting bagi kita menentukan bahawa kepentingan orang ramai dijaga memandangkan bahawa pejabat-pejabat pos terdapat di seluruh negara.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) 1947. Sekian, terima kasih.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Tampin.

5.47 ptg.

**Tuan Omar bin Abdullah (Tampin):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba mengkhususkan perbincangan saya ini seperti yang dipandu oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, tetapi kalau sekiranya terdapat perkara-perkara yang lari daripada subject matter Rang Undang-undang ini, saya mohon Tuan Yang di-Pertua dapat memberi teguran.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini kerana saya yakin bahawa Rang Undang-undang ini dibentangkan dengan satu niat murni dari pihak Kerajaan dan dari kakitangan pejabat pos iaitu untuk memperbaiki lagi mutu khidmat Jabatan Pos demi kepentingan, kemudahan dan keselesaan orang ramai. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membincangkan Rang Undang-undang ini secara khusus, ingin saya mencadangkan kepada Jabatan Perkhidmatan Pos supaya mula berusaha untuk memperbahasa Malaysiakan Akta-akta dan Peraturan-peraturan Perkhidmatan selaras dengan dasar negara kita.

Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) 1984 ini akan membolehkan Jabatan Perkhidmatan Pos menggunakan sistem perakaunan perniagaan dalam sistem perakaunannya dengan penubuhan tabung wang amanah Jabatan Perkhidmatan Pos. Dalam suasana di mana kebanyakan perkhidmatan yang disumbangkan adalah berbentuk perniagaan, maka pada pandangan saya adalah wajar jika segala sistem kerja termasuk sistem perakaunan diubahsuai dan diselaraskan dengan bentuk sumbangan atau khidmat yang diberikan itu. Rang Undang-undang ini akan membolehkan Jabatan Perkhidmatan Pos menubuhkan apa yang disebut satu kumpulanwang amanah yang mengikut Rang Undang-undang ini akan ditadbir sepenuhnya oleh kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos.

Ianya membolehkan Jabatan Pos menerima hasil dari khidmat niaga hariannya dan dari sumber itulah Jabatan Pos dikehendaki membiayai kos operasinya. Dengan ini saya percaya Kerajaan Pusat khususnya Kementerian Kewangan tidaklah lagi perlu membiayai kos operasi Jabatan Pos.

Perkara ini saya rasa adalah baik dan selaras dengan dasar-dasar yang dijalankan oleh Kerajaan kita sekarang. Namun begitu, kejayaan sistem ini banyak bergantung kepada kewibawaan pengurusan Jabatan Pos sendiri dan kita tidak mahu sepertimana disebut oleh seorang Ahli Yang Berhormat tadi mendengar pada masa-masa yang akan datang Tabung Kumpulanwang Amanah Perkhidmatan Pos ini tidak cukup untuk membiayai kos operasi perkhidmatan pos. Saya menyebut perkara ini kerana kemungkinan perkara ini berlaku tidaklah mustahil.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat perubahan sistem perakaunan haruslah juga diikuti dengan perubahan sistem kerja, sistem pengurusan dan diiringi sama dengan perubahan sikap kakitangan yang menguruskannya. Jika Kerajaan dan Jabatan Perkhidmatan Pos berpendapat bahawa kebanyakan urusan Jabatan Pos adalah bercorak perniagaan dan oleh kerana itu perlu mengubah sistem perakaunannya kepada yang bercorak perniagaan, maka saya rasa perlu jugalah Jabatan Perkhidmatan Pos menyusun semula organisasi pentadbirannya supaya lebih bercorak 'business oriented' dari 'service oriented'.

Saya tidak bermaksud Jabatan Perkhidmatan Pos perlu mencari keuntungan dalam urusan hariannya kerana jika ini berlaku maka orang ramailah yang akan menanggung bebanannya. Yang ingin saya tegaskan ialah dari segi konsep, pemikiran etika kerja dan commitment patutlah serupa dengan amalan sebuah organisasi perniagaan kerana adalah menjadi satu realiti di negara kita ini bahawa sikap dan etika kerja pekerja-pekerja swasta, khususnya organisasi perniagaan adalah lebih baik dan produktif dari sektor awam. Jika sikap dan etika kerja ini ingin kita serapkan

ke dalam Jabatan Perkhidmatan Pos, maka tidaklah boleh dilakukan dengan menukar sistem perakaunan sahaja. Sistem perakaunan perniagaan ini mungkin akan gagal mencapai objektifnya jika kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos masih berfikir lama dan memikirkan mereka ialah kakitangan Kerajaan yang bergaji tetap. Perlu juga dibuat beberapa perubahan dalam sistem manual kerja, sistem pengawalan disiplin dan method pekerjaan dan lain-lain bidang yang difikirkan patut.

Tuan Yang di-Pertua, sistem perakaunan perniagaan dan kumpulan wang amanah ini bukanlah sistem yang baru dilaksanakan oleh Kerajaan. Sistem ini dilaksanakan di Jabatan Telekom, Jabatan Penerbangan Awam, mungkin di Lembaga Letrik Negara dan Keretapi Tanah Melayu. Di Jabatan-jabatan yang saingan dari sektor swasta tidak ada atau wujud monopoli, sistem ini nampaknya berjaya dari segi mendatangkan 'operational profit'. Dalam kes di mana wujud persaingan sepertimana dalam kes Keretapi Tanah Melayu yang mendapat saingan daripada sistem pengangkutan jalan raya, sistem ini nampaknya gagal melainkan dalam dua-tiga tahun, mungkin pada tahun 1978 dan 1979 yang lalu kerana buat masa kini Kerajaan Pusat terpaksa membiayai 'cost operational' Jabatan tersebut walaupun pada teorinya ianya tidak perlu.

Walau bagaimanapun, dalam kes khidmat monopoli, kejayaan 'operational profit' tidak boleh pula kita takrif sebagai kejayaan yang muktamad atau satu kejayaan yang besar kerana kita perlu mengukurnya dari mutu khidmat yang diberikan kepada orang ramai. Saya berkeyakinan sistem ini akan berjaya dalam erti kata yang sebenarnya sekiranya perubahan sistem

perakaunan yang diperuntukkan oleh Rang Undang-undang ini disokong kuat dengan pengurusan yang cekap dan ada perubahan dalam berbagai-bagai sektor pengurusan yang lain. Yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menimbulkan beberapa perkara yang saya rasa perlu diberi perhatian oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Pos sendiri.

Yang pertama, Rang Undang-undang ini nampaknya terlalu optimistik akan kejayaannya. Perkara IIG dan IIK hanya menyebut tentang 'surplus' dan 'net profit', tidak pula disebut tentang kerugian dan ketidakcukupan. Jadi, kalau sekiranya berlaku ketidakcukupan atau kerugian, maka perlulah kita memperuntukannya dalam undang-undang untuk mengatasinya.

Yang kedua, wang Tabung Amanah Jabatan Perkhidmatan Pos ini patut digunakan untuk maksud operasi sahaja. Segala kos projek pembangunan seperti pembinaan Pejabat-pejabat Pos yang baru dan lain-lain projek pembangunan haruslah dibiayai dari peruntukan Kerajaan Pusat. Jika berlaku 'surplus atau profit', maka wang ini perlu kita gunakan untuk mempermodenkan lagi sistem kerja Jabatan Perkhidmatan Pos seperti memperbaiki bangunan-bangunan yang rata-rata usang. Masih lagi banyak bangunan diperbuat daripada kayu. Dan sudah sampai masanya saya kira Jabatan Perkhidmatan Pos menggunakan peralatan moden di Pejabat-pejabat Pos. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dari Jerantut patut sangat kita mengadakan, beliau kata tadi 'coin box', tetapi apa yang sebenarnya yang dicadangkan ialah 'stamp vending machine', bukan sahaja perlu kita buat di Pejabat-pejabat Pos tetapi di tempat-tempat lain di mana ada tumpuan orang ramai.

Saya rasa mungkin sudah sampai masanya juga Jabatan Perkhidmatan Pos memikirkan dengan menggunakan komputer dalam sistem pengurusannya, termasuk sistem perakaunan kerana sejak Pejabat Pos dijadikan Pusat Pembayaran Setempat atau Pusat Pungutan Setempat, kakitangan Pejabat Pos telah bertambah beban kerjanya. Jadi tambahan beban kerja ini perlulah kita imbangi dengan tambahan atau permodenan peralatan kerja dan mungkin perlu juga Jabatan Perkhidmatan Pos menambah lagi alat-alat kerja seperti mesin accountingnya, mesin penukar wang dan lain-lain lagi kerana seperti yang kita maklum Jabatan Perkhidmatan Pos pun dipertanggungjawabkan untuk menguruskan sistem simpanan melalui Tabung Simpanan Nasional. Jadi, saya rasa Pejabat Pos perlu sangat kita permodenkan dan adalah tidak adil kita menyalahkan kakitangan Pejabat Pos dengan mengatakan tidak bersopan santun seperti yang selalu kita baca dalam akhbar 'tidak cekap, lembab' dan sebagainya, tak pandai beri senyuman, jadi kalau kita taruh mesin, mesin itu tak beri senyuman, tak ada komplek lagi tentang senyuman sedangkan kemudahan tidak kita berikan dan beban kerja semakin kita tambah.

Perkara yang ketiga, dengan pengwujudan Bayar Bil Setempat seperti yang saya sebutkan tadi di Pejabat Pos, sebenarnya Pejabat Pos telah mengambil alih sebahagian tugas beberapa Jabatan lain, seperti tugas Jabatan Telekom sudah diambil alih oleh Jabatan Pos, tugas Pejabat Lembaga Letrik Negara pun diambil alih oleh Jabatan Pos—sebahagiannya, begitu juga dengan tugas Jabatan Bekalan Air, Amanah Saham Nasional, Radio dan Televisyen Malaysia dan lain-lain. Maka mestilah juga diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini satu sistem

pembayaran atau perpindahan peruntukan Jabatan ke Jabatan.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Perkara yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, kita juga harus menyedari jika ditinjau dari sudut perniagaan Jabatan Perkhidmatan Pos terpaksa menjalankan khidmat sosial yang merugikan, umpamanya Khidmat Pos Bergerak dan Pejabat-pejabat Pos di tempat-tempat yang kecil. Saya tidak yakin Khidmat Pos Bergerak itu akan mendatangkan pulangan yang boleh kita sebut 'untung'. Maka perlulah diwujudkan satu bentuk peruntukan subsidi dari peruntukan Kerajaan Pusat.

Perkara yang kelima, Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya projek-projek pembangunan dibiayai oleh peruntukan pusat maka mestilah diwujudkan satu disiplin pengurusan perakaunan supaya 'development fund' ini tidak digunakan untuk 'operational purposes' seperti yang banyak berlaku di Jabatan-jabatan Kerajaan kita pada hari ini. Sementara itu, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada peruntukan IIE yang menyebut, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

"moneys standing to the credit of the Fund may be invested".

Sama ada peruntukan ini membenarkan Jabatan Perkhidmatan Pos membuat pelaburan dan diizinkan untuk memajukan asset yang dimilikinya dan dibenar menjalankan projek pembangunan yang difikirkan menguntungkan untuk mendatangkan tambahan kepada tabung amanah yang akan diwujudkan nanti.

Perkara yang ketujuh, selalunya dalam badan-badan dan agensi-agensi Kerajaan faktor inventori merupakan satu kos faktor yang tinggi dan membebankan. Saya suka

mencadangkan supaya Jabatan Perkhidmatan Pos mempermodenkan pengurusan inventornya atau sistem bekalannya untuk mengurangkan kos pengurusan dan himpitan kepada wang tabung amanah yang akan diwujudkan nanti.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan agar Jabatan Pos mewujudkan sistem perakaunan dan perurusan kewangan moden berkomputer seperti saya sebutkan tadi untuk mewujudkan pengurusan Bersih, Cekap dan Amanah. Sistem pengoditan perlu juga kita permodenkan. Tumpuan kita bukanlah kepada mencari kesilapan kakitangan kita sahaja tetapi kita haruslah menumpukan kepada ada yang disebut sebagai "management auditing" lebih daripada sistem pengoditan kawalan tradisional seperti yang kita amalkan sekarang. Ini adalah perlu kerana di sana sini terdapat penyelewengan dan kita hanya memberatkan untuk menyelesaikan penyelewengan itu tadi di segi kes demi kes tetapi kita tidak memberikan perhatian yang khusus tentang kelemahan-kelemahan sebenar di segi pengurusan, supaya kita benar-benar dapat mencapai hasrat kita, hasrat Rang Undang-undang ini iaitu untuk memberikan satu perkhidmatan pos yang baik untuk rakyat kita, untuk orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, sekian dan saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.03 ptg.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya teruskan jawapan, pertama sekali saya mahu merakamkan terima kasih kerana

seramai, kalau tak silap saya, tujuh orang Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Pindaan ini. Rata-rata saya perhatikan semuanya menyokong termasuklah Ahli DAP sendiri walaupun tidak menyebutkan sokongan. Masing-masing dalam sokongan itu menggambarkan "appreciation" tentang "move" atau gerak tindakan yang kita buat sekarang ini supaya dapat lagi Jabatan Pos menjalankan kerjanya lebih cekap sebagaimana kehendak atau aspirasi rakyat jelata sekalian; supaya perkhidmatan itu dapat menyeluruh dan memberi kesan yang lebih baik terutama sekali dalam aspek "social services", dengan izin.

Dalam ucapan appreciation atau persetujuan ini juga ada kalanya Ahli-ahli kita terbawa-bawa; ada yang terkeluar sedikit daripada pokok perbincangan pindaan Undang-undang ini. Tetapi itu sudah memanglah menjadi tradisi yang saya faham dalam Dewan yang mulia ini, semasa membentang Undang-undang memang kadangkala dibawa perkara-perkara yang terkeluar daripada perkara pokok. Dan memang juga jadi tradisi pula pihak Kerajaan menjawab sebanyak mungkin yang boleh, walaupun terkeluar sedikit. Jadi, hari ini saya juga cuba menjawab satu persatu yang mana dibangkitkan.

Pertama sekali, Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar selain daripada membuat appreciation dan harapan tentang prestasi Pejabat Pos dengan adanya pindaan ini, juga membuat beberapa teguran kepada Jabatan Pos. Yang boleh saya sebutkan di sini, iaitu satu daripadanya ialah tentang sistem 'drop bag system' yang telah dilancarkan dua, tiga bulan yang lalu. Ada sedikit kekeliruan dalam hal ini sebab Yang Berhormat mengatakan ada surat-surat kepada beliau terlambat.

Sebenarnya, sistem ini adalah antara pejabat Kerajaan dengan pejabat Kerajaan dalam Kuala Lumpur dan Petaling Jaya sahaja tidak perseorangan, buat permulaan sampai dalam tempoh 24 jam; tidak daripada pejabat ke perseorangan atau dari perseorangan ke pejabat. Walaupun begitu ini adalah permulaan dan kita akan kembangkan kepada seluruh negara.

Yang Berhormat juga mengesyorkan supaya diterangkan butir-butir lanjut rancangan. Sebenarnya ini tak berapa tepat jugalah sebab perancangan ini memang setiap tahun, setiap lima tahun sekali kita buat dan setiap tahun kita ada pembentangan dalam Budget. Jadi tidak berapa berkait. Walau bagaimanapun akan dibentangkan dalam Budget Session nanti perancangan kita berterusan untuk Rancangan Malaysia Keempat untuk tahun depan.

Sistem Pos Kod (Code Post) yang dikatakan itu juga sekarang ini memanglah Kementerian berhajat menyegerakan dan kalau disertai Tuhan mungkin dapat dijalankan pada tahun hadapan. Proses dan pengkajian sedang dibuat. Sistem Pos Kod yang diperkenalkan pada tahun 1972 di dalam bandar Kuala Lumpur tidak begitu berjaya dan kita mengharapkan pengkajian semula supaya dapat dibuat satu sistem yang lebih berkesan ke seluruh negara dan berkemungkinan kita peringkat-peringkatkan sistem ini untuk dikembangkan.

Juga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ialah tentang kebajikan pekerja-pos Pos dan diharap mengadakan satu tabung ala Tentera dan Polis. Sebenarnya mereka ini sememangnya pekerja Kerajaan dan memang ada imbuhan kepada yang mengalami kemalangan seperti gratuity, pencen

dan detailnya memang ada. Kedua, ialah tabung-tabung yang disebutkan; Tentera dan Polis; ini adalah tabung mengumpulkan wang-wang derma daripada orang ramai bukan daripada Kerajaan. Walau bagaimanapun, kita akan mempertimbangkan supaya dapat digerakkan satu inisiatif, untuk mengadakannya. Dan mungkin juga kalau ini berjaya akan banyaklah lagi department lain juga akan menggerakkan inisiatif ini untuk mendapatkan sumbangan-sumbangan daripada private untuk memenuhi tabung untuk menampung kebajikan atau welfare pekerja-pekerja masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Silam juga membuat ucapan menyertai dalam perbahasan dan telah membuat appreciation juga dan mengharapkan pihak Pejabat Pos dengan adanya Undang-undang baru ini terus mengatur lebih kemas, lebih cekap lagi tentang strategi dan program pelaksanaan untuk memberi kesan yang lebih baik serupa juga seperti kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil kesempatan dalam Dewan tadi.

Dalam hal ini sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga, perancangan dan usaha hendaklah ditekankan supaya meningkatkan prestasi khususnya berasaskan kepada sosial dan ekonomi terutama sekali rakyat di luar bandar dan pendalaman. Juga mengharapkan ini dapat dipercepatkan.

Satu perkara yang penting yang menarik perhatian pada saya ialah yang dibangkitkan dengan adanya peruntukan dalam Undang-undang ini tentang; kewangan yang hendak dipergunakan lebih daripada operasi itu hendaklah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan. Dan ini mengikut Yang Berhormat adalah satu duplication yang tidak

perlu. Tetapi sebenarnya saya memang tidak berpendapat sama. Sebenarnya, Kerajaan tidak berpendapat seperti ini, ini adalah satu-satu cara, satu-satu procedure yang harus dijalankan. Ini tidaklah bererti setiap perkara yang kita hendak buat itu diperincikan untuk mendapatkan kelulusan. Ini juga harus diadakan kerana sambil-sambil memberi kuasa kepada sesuatu Kementerian atau Jabatan ada juga ditimbal balikkan dengan accountability yang lazim.

Yang Berhormat dari Padang Serai, perkara yang saya mahu jawab ialah tentang perkara yang disebutkan, service facsimile. Selain daripada lapan buah bandar dalam negeri kita dan tiga buah bandaraya luar negeri, Hongkong, Sydney dan London dia menyatakan mengapa khususnya United States atau bandaraya di Amerika Syarikat tidak termasuk di dalam ini.

Sebenarnya kita memang ada lebih kurang, dalam perundingan, 60 lagi negara untuk mengadakan service yang sama dan masih menunggu jawapan untuk mendapat persetujuan supaya servicenya diadakan. United States atau Amerika Syarikat salah satu negeri yang masih kita menunggu persetujuannya. Jadi tidak ada sebab yang spesifik atau sebab yang teristimewa mengapa dikeluarkan atau dikecualikan negeri itu, negeri ini, tetapi sebenarnya memang kita berhajat mengadakan sebanyak mungkin kepada negara-negara lain. Dan sebagaimana kata Yang Berhormat, Amerika Syarikat merupakan rakan perniagaan yang makin penting kepada negara kita ini, tentunya tidak ketinggalan.

Satu perkara juga dibangkitkan ialah tentang kawalan keselamatan kepada pejabat-pejabat pos. Sebenarnya kita memang sentiasa ada sistem kawalan ini dan setelah kejadian pembunuhan

di Kelantan yang lalu kita perketatkan kawalan ini. Ada kerjasama dari pihak-pihak keselamatan, tetapi saya tidak bercadang untuk menceritakan sepenuhnya secara detail apakah sistem yang kita buat, kerana kalau sistem itu diketahui umum, tidaklah merupakan satu sistem yang efektif lagi—sistem keselamatan bagi menjaga keadaan pejabat-pejabat pos kita.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak pula menyentuh dengan panjang lebar dan saya tidak bercadang hendak menjawab semuanya kerana ada tempat-tempatnya yang agak jauh terkeluar sedikit, saya rasa tidak berapa tepat untuk menggunakan masa Dewan ini. Dan adalah diharapkan secara ringkasnya kecekapan yang timbul daripada perubahan undang-undang ini atau pindaan undang-undang ini, kecekapan seluruhnya. Juga seperti yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga Pejabat Pos merupakan satu pejabat untuk bayaran setempat, semua bil-bil yang dibayar disitu. Beliau mengharapkan satu usaha peningkatan jentera kemudahan (facilities) dalam pejabat itu, training pegawai, menambahkan pegawai dan juga menambahkan elaun. Semuanya ini adalah dalam kajian pejabat pos yang akan ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Untuk makluman juga disebutkan kurangnya jentera dalam setengah-setengah pejabat pos. Sebenarnya jentera dan mesin kepada pejabat-pejabat pos ini sedang dibeli dan sekarang pun ada 60 buah mesin sudah diterima dan akan diagihkan kepada semua pejabat-pejabat pos. Dan sedang dalam usaha untuk membeli lebih banyak lagi untuk memperkembangkan pejabat-pejabat pos di seluruh negara ini.

Satu perkara lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Setapak ialah tentang Pejabat Pos harus mengadakan unit penyelidikan dan

perancangan supaya dapat diperkemaskan lagi perkembangan khidmat pejabat pos ini. Ini sememangnya sentiasa diadakan dari semasa ke semasa untuk diperkemaskan Pejabat Pos. Malah usaha menukar Rang Undang-undang ini juga merupakan salah satu usaha untuk memperbaiki perkhidmatan pos sendiri.

Satu perkara juga yang disebut agak menarik untuk saya menjawabnya ialah Yang Berhormat dari Setapak itu mengatakan proses untuk menaikkan pangkat bagi pegawai-pegawai pejabat pos itu dijalankan dengan tidak bagitu adil, atau dengan izin, ada proses seolah-olah "pilih bulu". Sebenarnya yang saya maklum daripada pengetahuan Kementerian dan saya sendiri, procedure dan proses untuk kenaikan pangkat seseorang itu memang sentiasa ditentukan mengikut merit masing-masing. Tetapi selalunya kalau yang tidak dapat itu selalu sahaja ada merasakan kurang adil atau kurang tepat.

Ahli Yang Berhormat dari Jerantut banyak membuat cadangan selain daripada "appreciation", sebagaimana Ahli Yang Berhormat yang lain juga tentang hasil dan banyak membuat "research". Secara kebetulan pula Yang Berhormat ini datang dari Pahang. Daripada angka-angka yang dibentang itu menunjukkan kelebihan hasil daripada perbelanjaan operasi dan mengharapkan kelebihan ini dipergunakan dengan sebaik-baiknya untuk mendapat kekesanan ke atas prestasi Jabatan Pos. Ini juga suatu suara atau suatu pandangan yang diterima seperti disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Diantara lain juga beliau membuat teguran-teguran tentang kelemahan-kelemahan Jabatan Pos, kelewatan, kehilangan dan kekurangan wakil-wakil pos di kampung-kampung, tentang bangunan dan sebagainya, semuanya dalam pandangan saya dan

saya tidak berhajat hendak menjawab satu persatu. Sekiranya mampu kita akan selesaikan, insya Allah, peringkat demi peringkat supaya pejabat pos akhirnya menjadi satu pejabat yang benar-benar boleh memenuhi kehendak dan aspirasi rakyat jelata seluruhnya.

Tentang cadangan beliau untuk menukar nama Jabatan Perkhidmatan Pos kepada Perbadanan Pos Nasional, saya rasa belum sampai waktunya lagi untuk menimbangkan, sebab hari ini kita hanya menimbangkan Rang Undang-undang perubahan sistem perakaunan sahaja—belum lagi kita hendak jadikan Jabatan Pos itu sebagai satu Perbadanan atau "quasi Government", dengan izin. Jadi kalau sampai waktunya itu mungkin kita dapat timbangkan nama ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mencadangkan berbagai-bagai perkara lagi, iaitu mengadakan kedai pos ala-kedai telekom supaya dapat memberi khidmat yang lebih baik lagi kepada orang ramai. Ada disebutkan juga dalam ucapannya "coin box" tetapi namanya yang sebenar lain daripada itu. Semua perkara-perkara ini memanglah dalam perancangan. Perkhidmatan yang akan kita beri nanti insya Allah, dengan perangkaan dan cara-cara pendekatan yang kita gubalkan nanti dan dengan Rang Undang-undang ini diluluskan nanti dan adapula kelebihan peruntukan dan sebagainya dan atas bantuan dan sokongan daripada semua pihak akan dapat kita perbaiki. Pokoknya perkhidmatan akan diperbaiki dengan mengambil kira semua cadangan atau pandangan yang diberi oleh pihak Yang Berhormat sekalian.

Tentang Pejabat Pos baru di Jerantut itu juga dalam pertimbangan untuk diluluskan.

Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu juga mengambil bahagian dan beliau telah banyak memberi pandangan dan semua pandangan-pandangan beliau itu diambil kira sebagai satu panduan bagi Kementerian kami untuk mengasaskan business kita pada masa akan datang.

Satu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Lubok Antu ialah tentang satu Pejabat Pos yang dikatakan di "Dapur" pejabat lain. Perkara ini kalau tidak silap telah dibangkitkan dahulu dan insya Allah kita akan dirikan pejabat baharu di tempat kawasannya bernama Ingklili. Kita mengambil perhatian dan akan mengadakan satu pejabat yang lebih baik lagi daripada keadaan yang ada sekarang ini iaitu di Bahagian Dapur sebagai satu pejabat sebagaimana yang dituntutnya. Dan juga kita memang mengambil perhatian tentang surat-surat yang lewat sampai penduduk di pendalaman terutama sekali di Sarawak kerana perhubungan agak sukar dan kebanyakan tempat di kawasan Ahli Yang Berhormat, barangkali bahagian-bahagian lain di Sarawak hanya dapat berhubung dengan jalan perahu atau motorbot sahaja.

Pada keseluruhannya pandangan dan syor-syor yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kita mengambil nota untuk menjalankan pembaikan dari semasa ke semasa dan tidak payahlah saya menceritakan secara detil kerana banyak diulangi, tentang kenderaan dan kakitangan hendak ditambah, atau pegawai-pegawai berjalan kaki seharusnya tidak ada lagi.

Memang kita mengakui masih ada lagi bahagian-bahagian yang besar harus memperbaiki aspek-aspek perkhidmatan pos terutama sekali berkenaan kemudahan penduduk di luar bandar.

Ahli daripada Kinta, Ahli Yang Berhormat itu juga Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, banyak juga memberikan pandangan dalam memberikan "appreciation" bersama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain supaya Rang Undang-undang ini akan menjadi penggerak untuk memperbaiki prestasi Pejabat Pos dengan lebih cepat dan disegerakan untuk memberi kemudahan kepada rakyat jelata seluruhnya.

Beliau juga memberikan pandangan bahawa kakitangan Pejabat Pos mesti sedar tentang fungsinya sebagai satu institusi kewangan gantian kepada masyarakat di luar bandar dan haruslah sikap dan kesedaran itu dipertingkatkan lagi di kalangan kakitangan Pejabat Pos.

Beliau juga tidak merasakan wajar untuk masih ada lagi Posmen berjalan kaki untuk menghantar surat, dan ini seperti saya katakan tadi dari masa ke semasa, peringkat demi peringkat akan diperbaiki supaya tidak lagi ada keadaan sebegini.

Ahli Yang Berhormat juga bersama dengan Ahli Yang Berhormat yang lain juga mengharapkan Kumpulan Wang ini setelah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini hendaklah dijalankan dengan baik dan bertanggungjawab supaya tidak ada penyelewengan. Dan saya bolehlah memberikan jaminan insya-Allah dalam perkara ini tidak akan berlaku penyelewengan dan perkara ini akan dapat dijalankan dengan baik dan bertanggungjawab oleh pegawai daripada Pejabat Pos.

Akhir sekali, Ahli Yang Berhormat yang menyertai dalam perbahasan ini ialah daripada Tampin. Di antara lain, beliau mengharapkan juga sikap dan kefahaman kakitangan Pejabat Pos ini dapat diubah setimpal dengan perubahan undang-undang ini supaya menimbulkan "accountability" yang lebih baik dan tidak ada

penyelewengan. Beliau mengharapkan dan mengatakan bahawa perubahan sistem accounting sahaja tidak mencukupi untuk menentukan prestasi yang lebih baik, kalau tidak dibantu oleh perubahan corak pemikiran, pengurusan dan pentadbiran yakni sama dengan komersil, pemikiran dan etika komersil.

Sebenarnya, ini memanglah diapresiasi dan inilah permulaan untuk kita mengubah semua konsep dan etika kerja tadi; bermula dengan perubahan accounting ala-komersil tadi.

Satu perkara yang dirasakan oleh Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang ini agak optimistik dan tidak langsung menyebutkan tentang kekurangan. Selalu sahaja menyebut atau hanya menyebut "surplus". Sebenarnya, kita yakin dari segi operasi memang kita mempunyai surplus dan kita terus akan mempunyai surplus kecuali ada penyelewengan daripada operasinya. Yang menjadi masalah tentulah peruntukan pembangunan dan ini tentu akan berkongsi daripada surplus operasi ini dengan Kerajaan Pusat; Kerajaan sendiri diharap mambantu supaya pembangunan daripada Capital Expenditure itu dapat dibangunkan dengan lebih cepat kemudahan-kemudahan kepada luar bandar khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi tentang sistem pembiayaan khidmat-khidmat pos yang ada tidak mendatangkan hasil atau mendatangkan keuntungan yang banyak seumpama beliau memberikan contoh Pos Bergerak. Dan ini merupakan satu khidmat yang tidak ekonomik atau viable dan harus ditanggung oleh pihak Kerajaan.

Sebenarnya, perancangan kita, kita kirakan dalam perkhidmatan pos ini, ada aktiviti yang mendatangkan keuntungan yang banyak dan ada yang tidak begitu banyak, tetapi secara menyeluruh adalah sistem dan sikap kita dari segi operasinya ialah "cross subsidy" antara dua perkhidmatan.

Jadi dari segi operasi kita rasa boleh kita menjalankannya, tetapi yang menimbulkan masalah barangkali capital untuk pembangunan.

Perkara lain yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya mengambil perhatian dan saya hanya dapat highlightkan perkara-perkara yang penting sahaja untuk saya menjawab dan sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri, dengan mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang menyertai perbahasan ini dan bersama-samalah kita berdoa supaya langkah mengubah undang-undang ini akan lebih lagi meningkatkan prestasi Pejabat Pos sehingga memberikan manfaat kepada seluruh rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*